



Jangan abai masalah asas umat Islam

Wujudkan kerajaan bertamadun

OLEH LIZAWATI MADFA

ISU kebebasan, demokrasi dan urus tadbir adalah perkara asas untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di negara Islam.

Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali, berkata masalah asas melanda umat Islam juga tidak harus dilupa dan diabaikan.

Katanya, pelbagai kejayaan mampu diraih jika gerakan politik memenuhi aspirasi ummah dengan jumlah umat Islam terbesar rantau ini.

"Saya tidak akan meminta maaf untuk menyokong Islam dalam konsep lebih luas dan meminjam ungkapan Robert Heffner untuk mewujudkan 'kerajaan bertamadun dan terbatas' "

"Dalam erti kata lain, kerajaan perlu bertindak sebagai pelindung kesusilaan awam dan pemacu kehendak popular," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena Persidangan Forum Dunia untuk Muslim Demokrat kali kedua di Hotel Le Meridien, Jakarta, pada 24 November lalu.



Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali menerima cenderamata daripada Gabenor Jakarta, Basuki Tjahaja Purnama atau lebih dikenali sebagai Pak Ahok ketika lawatannya ke Indonesia pada 24 November lalu

Selangor catat *surplus* RM111.94 juta

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan kedudukan kewangan baik pada 31 Disember 2014 dengan *surplus* RM111.94 juta berbanding defisit RM90.45 juta, pada 2013.

Hasil analisis kewangan Jabatan Audit Negara (Audit) mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM3.20 bilion meningkat RM293.80 juta (10.1 peratus) berbanding RM2.91 bilion, pada 2013.

Pelaburan dan kutipan hasil turut mencatatkan peningkatan masing-masing RM545.32 juta (21.2 peratus) dan RM75.11 juta (3.5 peratus).

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2014 meningkat 2.8 peratus berbanding 2013 tetapi tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun 9.2 peratus.

"Walaupun Hutang Awam meningkat 8.4 peratus pada tahun 2014, namun tunggakan bayaran balik Hutang Awam menu-

run 28.8 peratus. Kerajaan Negeri disaran supaya mengamalkan perbelanjaan berhemat secara berterusan dan mengikut keperluan.

"Selain itu, usaha perlu dipertingkatkan untuk mengutip Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil bayaran balik pinjaman atau hutang lain daripada jabatan kerajaan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sentiasa berada dalam keadaan kukuh," katanya dalam Laporan Ketua Audit Negeri Se-

langor 2014 Siri 3.

Daripada segi rancangan pembangunan, Kerajaan Negeri mencatatkan prestasi baik apabila berada pada paras 90.7 peratus daripada peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang diluluskan bagi tahun 2014 sudah dibelanjakan.

Selain itu, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi empat tahun pertama RMK-10 adalah 89 peratus daripada siling peruntukan pembangunan.

"Bagaimanapun, prestasi pe-

laksanaan projek perlu dipertingkatkan kerana sehingga 31 Disember 2014, hanya 228 projek (36.8 peratus) disiapkan, manakala 247 projek (39.8 peratus) dalam pelaksanaan atau perancangan dan 76 projek (12.3 peratus) masih belum mula.

"Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang cekap dan berkesan perlu diberi perhatian yang serius dalam usaha meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Negeri lain 'sedut' idea

Bukti Belanjawan Selangor 2016 peduli rakyat

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Belanjawan Selangor 2016 yang dibentangkan Oktober lalu disifatkan peneraju kepada negeri lain, bahkan intipatinya diikuti Bajet Johor 2016 yang baru sahaja dibentangkan, Menteri Be-

sarnya, Datuk Khalid Nordin.

Speaker Dewan Negeri Selangor, Hannah Yeoh, berkata Selangor sentiasa mengetuai negeri lain dalam aspek utama pelbagai perkara.

"Ada baiknya sistem dua parti. Bila ada pertandingan sihat, baru rakyat akan dapat yang terbaik,"

katanya kepada Selangor Kini, pada 21 November lalu.

Bagaimanapun, Hannah berkata pelaksanaan belanjawan di setiap negeri perlu dipantau supaya intipatinya dapat dilaksanakan.

Bajet Johor 2016 mengandungi enam strategi utama iaitu mengutamakan kesejahteraan

rakyat, merencanakan pertumbuhan ekonomi, menangani peningkatan kos sara hidup, merencanakan keusahawanan berasaskan inovasi dan pengetahuan, mengangkat agenda Johor lestari serta meneruskan agenda pendidikan berkualiti dan pembangunan swadaya insan.

Majoriti strategi ada di dalam Belanjawan Selangor 2016 terutama memacu kehidupan rakyat dalam menangani krisis kelembapan ekonomi dan kenaikan harga barangan terutama sejak pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), pada 1 April lalu.

Smart Selangor jadi ikutan

KUALA LANGAT - Kerajaan Negeri menyambut baik segala usaha dari negeri lain yang berlandaskan peduli rakyat, kata Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Ahmad Yunus, berkata sesuatu perubahan dan penambahbaikan harus menjadi fokus utama sesebuah kerajaan.

"Sebagai sebuah negeri yang maju, kita selalu memikirkan apa yang terbaik harus diberikan untuk merakyatkan ekonomi.

"Sebab itu, wujud pelbagai usaha dan pelancaran program kerana kita melihat kepedulian rakyat adalah motif utama," katanya kepada Selangor Kini, pada 22 November lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas Bajet Johor 2016 yang ada di antara strateginya terkandung di dalam Belanjawan Selangor 2016.

Sementara itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Samad, berkata Belanjawan Selangor yang memandang jauh ke hadapan sememangnya perlu diikuti negeri lain.

Katanya, Selangor mempunyai tanggungjawab memberi inspirasi dan dorongan sebagai negeri maju serta sentiasa berada di hadapan.

"Apa yang dilakukan Selangor perlu dicontohi negeri lain. Ia perlu diikuti supaya semua negeri dapat melaksanakan program baru untuk membantu dan membela nasib



“Sebab itu, wujud pelbagai usaha dan pelancaran program kerana kita melihat kepedulian rakyat adalah motif utama”

AHMAD YUNUS
Exco Pembangunan
Desa dan Kampung
Tradisi

rakyat.

"Ia menunjukkan jalan yang seharusnya dilalui negeri lain," katanya.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS, Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, pula berkata persamaan intipati beberapa teras Bajet Johor 2016 itu membuktikan Selangor berjaya menjadi teladan.

"Bahkan, apa yang terkandung di dalamnya menjadi model kepada kerajaan negeri lain termasuk Johor," katanya.

Tapak sisa lengai atasi isu sampah Pulau Ketam



Kerja pembinaan tapak pelupusan sisa lengai di Pulau Ketam sedang giat dijalankan dan dijangka siap sepenuhnya disember ini

PULAU KETAM - Pembinaan tapak pelupusan sisa lengai bakal mengatasi masalah pembuangan bahan berkenaan selepas sekian lama membebaskan penduduk, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah, berkata Kerajaan Negeri memperuntukkan RM700,000 bagi pembinaan tapak terbabit.

"Ia adalah inisiatif Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pembuangan sisa lengai atau pembinaan selepas lawatan Dato' Menteri Besar bagi mengenal pasti keperluan, di sini, pada Oktober 2014.

"Kita dapati sejak kewujudan pulau ini, pembuangan sampah dilakukan sesuka hati kerana tiada tapak pelupusan dibina bagi kemudahan penduduk dan pihak berkaitan," katanya dalam sidang media, di sini, pada 23 November lalu.

Hian Wah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau proses pembinaan tapak pelupusan itu yang dikendalikan Worldwide Holdings Berhad (WHB).

Kerja pembinaan yang dimulakan pada Ogos lalu kini sudah mencapai 50 peratus dan dijangka siap sepenuhnya, pada Disember ini.

Apabila mula beroperasi pada Januari 2016, kawasan itu mam-

pu menampung kuantiti bahan buangan sehingga 4,000 tan dengan penerima sisa terbabit pada kadar dua tan sehari.

Segala sisa buangan itu akan melalui proses mampatan setiap hari dan boleh dibangunkan sebagai kawasan pembangunan lain untuk manfaat rakyat serta negeri apabila mencapai tahap maksima.

"Kita harap penduduk memberikan kerjasama dengan tidak membuang sampah sarap atau sisa domestik ke dalam kawasan tapak berkenaan.

"Ini kerana bahan buangan itu diuruskan secara berjadual di Pulau Ketam dan Pulau Lima melalui Hebat Abadi Sdn Bhd," katanya.

Forum Dunia untuk Muslim Demokrat

MB jadi tetamu kehormat

OLEH AFEEQA AFEERA

JAKARTA - Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin menjadi tetamu kehormat sempena Forum Dunia untuk Muslim Demokrat di Hotel Le Meridien, Jakarta, pada 24 November lalu.

Kunjungan hormat beliau ke Jakarta turut diiringi delegasi Kerajaan Selangor.

Forum itu menghimpunkan pemimpin dan profesional Islam seluruh dunia untuk memberi pandangan berkenaan isu semasa.

Inisiatif itu diteruskan hasil cetusan idea Anwar yang juga bekas ketua pembangkang bagi

membincangkan perkara dihadapi negara dan umat Islam masa kini.

Antara isu dibincangkan adalah masalah keganasan, keselamatan dan hak minoriti umat Islam dalam negara bukan Islam.

Forum itu adalah anjuran Institut Kajian Dasar (IKD) dengan kerjasama Yayasan Keamanan Sasakawa (SPF), Pusat Habibie Indonesia dan Yayasan Politik Penyelidikan Ekonomi dan Sosial (SETA) dari Turki.

Mohamed Azmin kemudian mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Gabenor Jakarta di Jalan Medan Merdeka Selatan, Gambir, Indonesia.



Persidangan Forum Dunia untuk Muslim Demokrat kali kedua di Hotel Le Meridien, Jakarta



Mohamed Azmin sempat berjenaka dengan Ketua Paksi Parti Garindra, H Ahmad Muzani

Indonesia contoh kejayaan gerakan muslim demokrat

JAKARTA - Indonesia adalah antara contoh terbaik negara Asia Tenggara yang membentuk demokrasi Islam terbesar di dunia, kata Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, gerakan muslim demokrat adalah penting dan diperlukan memandangkan dunia Islam hari ini menghadapi ancaman keganasan getir termasuk perang saudara.

"Dalam kegelapan ini, gerakan muslim demokrat pastinya muncul untuk membawa cahaya bukan hanya kepada agama Islam dan umatnya tetapi seluruh masyarakat global.

"Apakah bukti gerakan muslim demokrat akan berjaya? Buktinya ada-

lah Indonesia berjaya menjadi sebuah negara demokrasi Islam besar di dunia," katanya ketika menyampaikan ucapan sempena Persidangan Forum Dunia untuk Muslim Demokrat kali kedua di Hotel Le Meridien, di sini, pada 24 November lalu.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Pusat Habibie Indonesia, Rahimah Abdulrahim dan bekas Setiausaha Agung ASEAN, Dr Surin Pitsuwan.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, negara perlu mencontohi demokrasi pancasila (lima prinsip) Indonesia yang mementingkan toleransi dan berteraskan nilai murni Islam.

"Masyarakat Islam Indonesia tidak per-

lu menyebut ia sebagai negara demokrasi Islam, sebaliknya demokrasi Indonesia adalah pancasila yang juga mempunyai nilai Islam," katanya.

Beliau juga menzahirkan kegembiraan berada di Jakarta selepas hampir 50 tahun Malaysia dan Indonesia menamatkan konfrontasi yang sebelum ini merugikan negara.

"Usaha menamatkan konfrontasi ini adalah inisiatif Indonesia yang menamatkan persengketaan yang merugikan dua negara.

"Penamatan konfrontasi seterusnya menjadi pemangkin pembentukan ASEAN yang kini menjadi rakan kepada kuasa besar," katanya.

Kongres KEADILAN tampil 4 tokoh besar

SHAH ALAM - Kongres KEADILAN yang bakal berlangsung pada 28 November ini memilih ikon kupu-kupu dengan tema 'Bebas Rakyat, Bebas Anwar'.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata kongres yang berlangsung di Pusat Konvensyen Ideal (IDCC), di sini, turut membawa kelainan dengan menampilkan empat tokoh besar negara.

Katanya, individu itu ialah bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib; bekas Setiausaha Agung PAS, Datuk Kamaruddin Jaafar; bekas Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah dan seorang bekas pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam terbesar yang akan mengumumkan kemasukannya ke KEADILAN tidak lama lagi.

"Kredibiliti Datuk Seri Najib Razak jatuh menjunam dan hilang populariti dalam kalangan rakyat menyebabkan wujud keperluan mendesak untuk kepimpinan alternatif yang boleh membawa negara keluar daripada musibah ini.

"Kepimpinan alternatif paling sesuai dengan keperluan men-desak itu tidak lain dan tidak bukan ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya memetik Malaysia Kini.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, KEADILAN mengambil pendirian bahawa pembebasan rakyat daripada 'kepimpinan tempang perdana menteri' berkait rapat dengan pembebasan bekas ketua pembangkang itu.

Rafizi berkata, perbahasan sepanjang kongres juga dijangka berkisar berkenaan krisis kepimpinan pentadbiran Najib dengan kehadiran 1,530 perwakilan dari 218 cabang KEADILAN seluruh negara selain kira-kira 500 jemputan khas.

Kongres kali ini adalah yang pertama tanpa kehadiran Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini sedang dipenjarakan.

TINJAUAN ORANG RAMAI
TINDAKAN PANTAS DIPUJI

Tindakan pantas Kerajaan Negeri menghulurkan bantuan kepada Lebih 132 keluarga Ladang Tuan Mee, Parit Mahang dan Masjid Simpang 3 Jeram terlibat banjir dipuji

Air naik terlalu cepat, kami hanya sempat mengemas barang yang penting sebelum menyelamatkan diri

Syukur atas sumbangan dan keprihatinan Kerajaan Negeri yang sudi membantu meringankan sedikit beban



Penduduk Ladang Tuan Mee, Sanah Jahiri, 66

Hasrat Kerajaan Negeri memberi sumbangan ehsan amat kami hargai kerana banyak peralatan rumah yang rosak dan memerlukan kos untuk baik pulih

Penduduk Masjid Simpang 3 Jeram, Jamin Bero, 60

Dulu pernah naik juga tetapi kali ini paras air tinggi. Terima kasih kepada Skwad PANTAS yang banyak membantu kami membersihkan rumah dan peralatan lain

Penduduk Masjid Simpang 3 Jeram, Ahmadi Kasmawi, 59

33 tebatan elak bencana berulang

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Sebanyak 33 projek tebatan banjir akan dibina bagi mengatasi masalah banjir di beberapa daerah dalam tempoh lima tahun akan datang.

Exco Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata projek terbabit dijangka dapat mengatasi masalah banjir termasuk banjir kilat.

Katanya, jawatankuasa khas banjir dilantik untuk mencari alternatif mengatasi masalah itu

terutama empat daerah membabitkan Klang, Hulu Langat, Gombak dan Petaling.

"Kerajaan Negeri mengambil langkah ini selepas berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan beberapa agensi lain supaya masalah banjir dapat diatasi khususnya di kawasan berisiko tinggi," katanya.

Pada masa sama, Zaidy mengarahkan semua parit dan tali air dibersihkan dan diselenggarakan bagi memastikan aliran keluar air lancar sebagai persediaan menghadapi kemungkinan air pasang besar.

Zaidy berkata, Kerajaan Neg-

eri juga sedang meneliti langkah dan pelaksanaan projek mitigasi mengatasi banjir kilat di sekitar Selangor.

"Pada 17 November lalu, satu perbincangan dan 'brain storming' bagi mengenal pasti punca banjir diadakan dan kita dapat kenal pasti langkah penyelesaian. Kita di peringkat penelitian melihat keutamaan kawasan dan implikasi kewangan," katanya.

Beliau turut menyeru rakyat bekerjasama mengatasi banjir kilat dengan menjaga kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata.

"Kebanyakan banjir kilat berpunca daripada saluran parit tersumbat, maka kesedaran sivik penting supaya kita membendung masalah ini bersama," katanya.

Selangor dijangka menerima taburan hujan luar biasa antara 500 hingga 800 milimeter sehingga hujung tahun ini.



Tebatan banjir - sumber internet

PBT bersih saluran elak banjir

SHAH ALAM - Semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan kerja pembersihan longkang dan saluran dalam usaha mengekang bencana banjir di kawasan masing-masing.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung



“

Berdasarkan laporan diterima, beberapa PBT menghadapi masalah sungai melimpah hingga mengakibatkan air tidak memasuki longkang atau parit

EAN YONG HIAN WAH
Exco Kerajaan Tempatan

Baharu, Ean Yong Hian Wah, berkata tindakan terbabit diambil memandangkan kebanyakan PBT menghadapi masalah air

sungai melimpah.

"Berdasarkan laporan diterima, beberapa PBT menghadapi masalah sungai melimpah hingga mengakibatkan air tidak memasuki longkang atau parit.

"Sebahagiannya pula kerana kerja pembinaan Metro Rail Transit (MRT) dan Aliran Transit Ringan (LRT) di sesetengah kawasan," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa menjalankan pemantauan supaya masalah seperti itu tidak berpanjangan seterusnya mengganggu aktiviti masyarakat.

"Untuk jangka panjang kita perlu kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Kerajaan Persekutuan supaya penyelesaian secara holistik dapat dilaksanakan," katanya.

Baru-baru ini, berlaku banjir kilat di bandar raya ini mengakibatkan kira-kira 200 penduduk di Bandar Puncak Alam Fasa 2 terpaksa bermalam di pusat pemindahan sementara ekoran kediaman mereka dimasuki air.

Penduduk kawasan rendah perlu waspada

SHAH ALAM - Penduduk kawasan rendah dinasihatkan supaya berwaspada dan bersedia menghadapi kemungkinan berlaku banjir ekoran keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Exco Infrastruktur Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata taburan hujan dilaporkan luar biasa sehingga penghujung tahun ini.

"Kita jangka hujan akan lebih kerap turun dan berlarutan be-

berapa hari, maka penduduk kawasan rendah dan berhampiran empangan serta sungai perlu berhati-hati dengan kenaikan paras air," katanya.

Berdasarkan maklumat dari Jabatan Meterologi Malaysia (MetMalaysia), taburan hujan di Selangor tahun ini luar biasa berbanding tahun lalu.

Pada November 2014, kadar taburan hujan adalah 120mm sehingga 250 mm dan kadar taburan hujan itu mencecah kepada 320mm bulan ini.



Gambar sumber internet

TAWAS capai sasaran

202,726 daftar sejak 2008

OLEH AFEEQA AFEERA

BATU CAVES - Seramai 202,726 anak Selangor sudah mendaftar di bawah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), sejak 2008.

Eksekutif Perhubungan Awam TAWAS, Atikah Akma Ramli, berkata jumlah itu melebihi sasaran ditetapkan untuk tahun ini dan dijangka akan terus meningkat.

"Sasaran Kerajaan Negeri adalah 200,000 peserta tetapi kita jangka angka itu akan terus ber-

ambah dari masa ke masa.

"Walaupun bermula agak sukar, namun promosi TAWAS sentiasa dipergiatkan melalui kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) atau DUN dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)," katanya kepada Selangor Kini, pada 21 November lalu.

Mengulas berkenaan manfaat khairat kematian YAWAS, Atikah berkata, peserta yang meninggal dunia sebelum usia 18 tahun layak menerima RM1,500.

Katanya, 162 peserta mening-

gal dunia sudah menerima manfaat itu sehingga pertengahan bulan ini.

"Ahli TAWAS yang meninggal dunia selepas 1 Mac 2014 layak menerima jumlah tuntutan RM1,500, manakala mereka yang meninggal dunia sebelum itu menerima tuntutan RM100 sahaja," katanya.

Selain khairat kematian, bawcer bernilai RM50 untuk bantuan sekolah anak TAWAS juga dijangka akan diteruskan tahun depan.



Terharu terima khairat kematian TAWAS Warisan adat Melayu terus dipelihara

BATU CAVES - Tiada siapa dapat membayangkan perasaan seorang ibu apabila kehilangan anak yang dikandung selama sembilan bulan dan dijaga penuh kasih.

Episod penuh duka itu dialami Zakiah Ismail apabila kehilangan anaknya berusia 10 bulan disebabkan penyakit sawan dan barah otak, pada 6 November lalu.

Dia berkata, anak bongsunya itu disahkan menghidap penyakit kronik ketika berusia enam bulan dan terpaksa menerima rawatan di Hospital Selangor selama empat bulan.

"Saya reda dengan pemergian-nya kerana apa yang berlaku itu adalah ketentuan Ilahi," kata Zakiah kepada Selangor Kini di kediamannya di Taman Amaniah, 20 November lalu.

Bagaimanapun, Zakiah, 39, yang mendaftar anaknya di bawah Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) menerima skim khairat kematian RM1,500.



Skim itu diserahkan Penolong Setiausaha Pusat Khidmat Rakyat (PKR) DUN Batu Caves, Maimon Misman bersama kakitangan TAWAS di kediaman Zakiah.

Zakiah yang juga seorang suri rumah melahirkan syukur atas sumbangan berkenaan kerana ia meringankan bebannya dan keluarga.

"Saya tahu berkenaan TAWAS

apabila mendaftar anak di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tetapi tiada maklumat khairat kematian. Saya bersyukur atas manfaat ini dan berterima kasih kepada Kerajaan Selangor yang memahami nasib insan memerlukan," katanya.

Dianggarkan lebih 8,000 anak Selangor sudah mendaftar di bawah skim TAWAS di DUN Batu Caves sejak ia diperkenalkan.

SHAH ALAM - Warisan dan khazanah sejarah Selangor terus dipelihara melalui penganjuran Temasya Budaya dan Warisan anjuran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata menjadi harapan PADAT untuk terus menarik minat masyarakat khususnya rakyat Selangor berkenaan warisan serta budaya.

"Kita turun ke daerah melalui pelbagai program tradisional yang menarik supaya dapat menjadi kelangsungan wadah dalam menjadikan Selangor sebagai negeri memartabatkan adat, seni, budaya dan

warisan.

"Melalui program sebegini akan terhimpun budayawan, sasterawan, penggiat seni dan badan bukan kerajaan (NGO) yang bertunjangkan seni seluruh negeri ini bagi memastikan adat dan warisan terus diwarisi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Temasya PADAT: Budaya dan Warisan di Muzium Shah Alam, pada 20 November lalu.

Yunus berkata, menjadi tanggungjawab bersama menjayakan program warisan kerana banyak tinggalan khazanah adat wajar dikekalkan.

"Kita berharap ia mampu membuka pandangan masyarakat supaya lebih menghargai nilai yang dibawa dalam sesebuah budaya dan warisan," katanya.



Tourism Selangor ke Indonesia promosi produk pelancongan

SHAH ALAM - Tourism Selangor menjalin kerjasama dengan Kementerian Pariwisata dan Tourism Indonesia dalam usaha mempromosi Selangor sebagai tempat pelancongan yang perlu diterokai.

Bertempat di Batam View Resort, hubungan perniagaan itu dilakukan melalui diskusi B2B 'Table Top' tiga hari dua malam, baru-baru ini.

Program itu diketuai Timbalan Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Gan Pei Nei dan Pengerus Besar Tourism, Noorul Ashikin

Mohd Din.

Ia juga disertai 17 peserta pelbagai agensi kerajaan, hotel, pengendali kesihatan dan pendidikan Selangor (pembekal) untuk dihubungkan dengan persatuan industri pelancongan Indonesia (pembeli).

Seramai 200 ahli perniagaan Aceh, Sumatra Barat, Pulau Riau, Jakarta, Jawa Barat, Sumatra Selatan dan Banten turut menyertai program itu.

Pei Nei berkata, industri pelancongan Selangor mempunyai banyak potensi dalam pembangunan

dan boleh diterokai lebih jauh.

Katanya, Tourism Selangor menyokong semua usaha peserta industri tempatan untuk membangunkan produk menarik seiring usaha menjadikan industri pelancongan negeri itu aktif dan berkembang maju.

"Tourism Selangor menyediakan tiga sesi perniagaan termasuk 'Government to Government (G to G) Table Talk' bersama Tourism Indonesia dan Kementerian Pariwisata berkenaan hala tuju dan matlamat pelancongan antara dua negeri," katanya.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Muaz Omar

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi

WARTAWAN:

Afeeqa Afeera: afeeqa@mediaselangor.com,

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Syazwani Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

Tukar label gred beras ST15 lebih tinggi

Menteri Pertanian salah guna kuasa?

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani didapati menyalahgunakan kuasa dengan melantik pemborong beras bersubsidi ST15 melalui senarai yang ditentukan menteri tanpa proses pemilihan berdasarkan kriteria ditetapkan jawatankuasa.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Mahfuz Omar, berkata perkara dijelaskan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2014 itu turut menyebut senarai pemborong di bawah kouta khas tidak dapat dikenalpasti kerana tiada rekod menunjukkan pembahagian kouta, bermula Mei hingga Disember 2014.

"Ini bukan saya yang sebut tetapi pengakuan penemuan audit seperti yang ditulis dalam Laporan Ketua Audit Negara.

"Saya menyeru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan segera ke atas individu terlibat kerana beliau buat salah tetapi yang jadi mangsa orang miskin," katanya pada sidang media, di lobi Dewan Rakyat, pada 23 November lalu.

Beliau berkata, pemborong dipilih menteri terbabit dipercayai menukar label gred beras ST15 kepada lebih tinggi bagi membolehkan ia dijual dengan harga lebih mahal, sekali gus



melipatgandakan keuntungan diperolehi.

Semakan Selangor Kini mendapati Laporan Ketua Audit Negara 2014 itu menyebut "semakan audit mendapati pelantikan pemborong melalui kouta khas tidak melalui proses penilaian oleh jawatankuasa tetapi ia sekadar mengesahkan (endorse) pemborong yang sudah ditetapkan".

"Kementerian Pertanian mengakui pembahagian kouta khas itu tidak melalui proses pemilihan dan ditentukan berdasarkan senarai yang dikemukakan menteri sehingga April 2014," jelas laporan itu.

Laporan itu turut menyebut "pada pendapat audit, pelantikan pemborong tanpa melalui proses pemilihan berdasarkan kriteria yang ditetapkan jawatankuasa adalah satu penyalah-

“

Saya menyeru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan segera ke atas individu terlibat kerana beliau buat salah tetapi yang jadi mangsa orang miskin

MAHFUZ OMAR
Ahli Parlimen Pokok Sena

gunaan kuasa".

"Dengan cara itu, ia boleh menyebabkan pemborong tidak berkelayakan memperoleh kouta beras subsidi dan seterusnya menjejaskan objektif serta sistem penyampaian program kerajaan," memetik laporan itu.

YaPEIM belanja lebih RM200,000 di Australia

SHAH ALAM - Pusat Peman-tauan dan Pemberi Maklumat Kebangsaan (NOW) mendedahkan butiran terbaru program Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) di Australia selepas mendedahkan pembaziran dilakukan di Amerika Syarikat.

Pengerusinya, Akmal Nasir mendakwa YaPEIM terbabit secara langsung menjayakan Forum Menggalakkan Nilai-nilai Islam dalam Kebudayaan dan Agama: Masa Depan dan Cabaran dengan anggaran perbelanjaan RM218,505 pada 16 hingga 26 April 2014 di Brisbane, Sydney dan Melbourne.

Forum itu dihadiri 50 hingga 70 pelajar Malaysia yang menuntut di Australia.

"Apakah rasional YaPEIM terbabit dalam penganjuran program ke luar negara dengan kosnya begitu mahal sedangkan

hanya sebilangan kecil menerima manfaat," katanya.

Berdasarkan invois berkenaan, perbelanjaan bagi mengadakan forum itu dibiayai agensi di bawah YaPEIM iaitu Yayasan Pembangunan Anak-anak Yatim dan Kanak-kanak Miskin (PEMANGKIN), Institut Penyelidikan dan Perundingan (INPUT) dan Ar-Rahnu.

Akmal yang berhadapan tindakan undang-undang daripada Datuk Seri Jamil Khir Baharom terus mengasak Menteri Di Jabatan Perdana Menteri itu dan Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM untuk menjawab dakwaan jika dokumen berkenaan benar.

Beliau turut membangkitkan mengapa pembiayaan dilakukan melalui PEMANGKIN dan YaPEIM paling besar sedangkan Ar-Rahnu hanya menampung sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan program itu.

PENDEDAHAN BELANJA YAPEIM OLEH NOW

Agensi	Belanja Forum
YaPEIM	RM106,840
PEMANGKIN	RM73,800
Agensi	Belanja Tiket Penerbangan (KL-Sydney)
YaPEIM	RM56,000
INPUT	RM14,000

Lagi RM100,000 lawat New York

SHAH ALAM - Pengarah Pusat Pemantauan dan Pendedah Maklumat Nasional (NOW), Akmal Nasir tampil dengan siri pendedahan terbaru Yayasan Ekonomi Pembangunan Islam (YaPEIM) yang didakwa terlibat dalam lawatan ke New York, Amerika Syarikat membabitkan kos lebih RM100,000.

Katanya, persoalan sama timbul selepas yayasan itu mengesahkan lawatan ke Sydney, Melbourne, Brisbane, Washington DC, Iowa, Minnesota dan Paris.

Dalam satu dokumen yang dimuat naik ke Facebook, beliau mendakwa YaPEIM terbabit dalam Program Kembara Santun ke New York sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ke Amerika Syarikat, tahun lalu.

Program yang berlangsung pada 17 September 2014 hingga 27 September 2014 itu melibatkan 100 peserta.

Dalam kenyataannya, Akmal mendakwa YaPEIM membelanjakan RM101,720 untuk lawatan itu, manakala Yayasan Pembangunan Anak Yatim/Miskin (PEMANGKIN) pula membelanjakan RM66,960.

"Saya menggesa yayasan itu mengesahkan sama ada diadakan atau sebaliknya serta menamakan individu yang terbabit dalam lawatan itu.

"Apakah keperluan YaPEIM untuk bersama dalam lawatan perdana menteri ke New York sedangkan ia adalah agensi berteraskan amal jariah bukan sebuah jabatan kerajaan?"

"Berapa banyakkah lawatan ke luar negara membabitkan YaPEIM bagi tahun 2013, 2014 dan 2015?," soal Akmal.

Akmal juga mengalu-alukan kesediaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang menyatakan siasatan akan diadakan terhadap YaPEIM dan menyifatkan ia permulaan yang baik.

Beliau turut mencadangkan mereka yang terbabit sewajarnya diwajibkan bercuti serta-merta dan tidak berhubung dengan mana-mana pegawai YaPEIM sehingga siasatan selesai.

Katanya, struktur pengurusan dan pentadbiran YaPEIM dirombak termasuk individu yang dilantik sebagai Lembaga Pemegang Amanah.

JAWATAN KOSONG

1. Pengarang Berita Video
2. Wartawan Penyiaran
3. Showrunner
4. Content Manager
5. Webmaster

Calon-calon yang berminat boleh menghantar resume terperinci serta gambar terbaru berukuran pasport sebelum **14 DISEMBER 2015** ke e-mel berikut:

adzharmaludin@mediaselangor.com

Ambil iktibar kerugian RM500 juta

OLEH NAZLI IBRAHIM

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan disaran mengambil iktibar apabila terpaksa menanggung kerugian lebih RM500 juta untuk membeli semula Hospital Pantai Holdings Berhad daripada syarikat Singapura, Parkway Holdings.

Ahli Parlimen Pokok Sena,

Datuk Mahfuz Omar, berkata perkara sama dikhuatiri berulang kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) jika menjual Edra Global Energy Bhd kepada syarikat asing China, General Nuclear Power Corp pada harga RM9.83 bilion.

"Ia berlaku pada 2005 selepas menyedari Hospital Pantai adalah pemegang konsesi yang

mengendalikan salah satu sektor strategik negara.

"Akhirnya apabila berlaku pertikaian, terpaksa beli balik Hospital Pantai dan ini membimbangkan apabila kerajaan melalui jawatankuasa pelaburan asing membenarkan pemilikan penuh 100 peratus ke atas Edra.

"Ini bahaya kerana menyentuh sektor strategik dan akhirnya kera-

jaan membeli semula Edra mengakibatkan kita kerugian beratus juta ringgit nanti," katanya di lobi Dewan Rakyat, pada 24 November lalu.

Edra Global Energy Bhd, anak syarikat 1MDB dianggap sebagai syarikat dalam sektor strategik negara apabila syarikat itu membekalkan 18 peratus tenaga dalam negara.

Ia berlaku pada 2005 selepas menyedari Hospital Pantai adalah pemegang konsesi yang mengendalikan salah satu sektor strategik negara

MAHFUZ OMAR
Ahli Parlimen Pokok Sena



TAMAN PERINDUSTRIAN ALAM PERDANA

2 & 3 Tingkat Kilang Berkembar & Tanah Perindustrian

Ilustrasi Artis (3 tingkat)

CIRI-CIRI KEUNIKAN

- Keluasan tanah: 70 'x 120'
- Terdapat lif (lif kapasiti untuk 20 penumpang) untuk 3 tingkat sahaja
- Penguat elektrik
- Ketinggian siling 23 kaki untuk tingkat bawah
- Muatan reka bentuk lantai:
 - 10kN/m² di tingkat bawah
 - 5kN/m² di tingkat pertama
 - 5kN/m² di tingkat kedua
- Bekalan kuasa 3-fasa - 150Amp
- 12 jam perkhidmatan sekuriti (waktu malam) (percuma untuk 2 tahun pertama)
- Penuaian air hujan

15% Diskaun

2 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 6028 kp
Dari **RM 3,186,000.00**

3 Tingkat Kilang Berkembar
Keluasan bangunan 7785 kp
Dari **RM 3,726,000.00**

Peta Lokasi



Pemaju:



Projek Alam 2012 Sdn. Bhd.
(974077-T)


Alamat Pejabat:

**UG-67, Jalan PJS 9/1A,
Pusat Perniagaan
Lagoon Perdana, 46150,
Bandar Sunway, Selangor**

Sila berhubung untuk sebarang pertanyaan:

**012-3152346
012-6113700**

Taman Perindustrian Alam Perdana
GPS: N 2°56'15" E 101°35'57"



OLEH NORHAYATI UMOR

Cuba alih perhatian

Persekutuan sengaja perbesar isu gambar

SHAH ALAM - KEADILAN membidas tindakan Kerajaan Persekutuan yang membesarkan isu gambar pertemuan Nurul Izzah Anwar dengan anak perempuan bekas ketua kumpulan pemberontak Sulu, Jamalul Kiram III.

Ketua AMK, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata tidak wajar untuk menuduh Ahli Parlimen Lembah Pantai itu sebagai pengkhianat sedangkan beliau antara yang paling lantang mengecam insiden pencerobohan Lahad Datu.

"Perlu diingatkan KEADILAN dan rakan pembangkang antara yang paling kuat mengecam pencerobohan di Lahad Datu kerana kami percaya Kerajaan

Malaysia tidak berjaya menanganinya dengan teratur dan baik," katanya dalam kenyataan, pada 21 November lalu.

Nik Nazmi berkata, Barisan Nasional (BN) sebenarnya cuba mengalihkan isu sebenar iaitu berkenaan pembebasan bekas

ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas gesaan sekumpulan pemantau daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"BN tidak seharusnya lari daripada perkara ini dan bagaikan sengaja hendak mengalihkan

perhatian," katanya.

Beliau turut mempertahankan tindakan Naib Presiden itu menghadiri program anjuran Manila yang menyokong Anwar dibebaskan.

Baru-baru ini, terketus kontroversi selepas gambar pertemuan

Nurul Izzah dengan Jacel yang dimuat naik dalam akaun Facebook miliknya terdedah.

Tindakan itu mengundang kritikan ramai pihak terutama pemimpin kerajaan yang menyatakan tindakan Nurul Izzah tidak wajar.

Nurul Izzah: Jacel hanya seorang daripada tetamu program Manila

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar menegaskan beliau tidak pernah berkenalan, memanggil mesyuarat atau merangka pertemuan dengan Jacel Kiram.

Beliausedia maklum kegusaran yang timbul ekoran gambar bersama anak ketua kumpulan

pemberontak Sulu, Jamalul Kiram III yang tersebar, pada 19 November lalu.

Nurul Izzah berkata, Jacel adalah salah seorang daripada 15 tetamu yang dijemput penganjur program *Council on Philippine Affairs & The Asian Institute for Democracy* anjuran pejabat Datuk Bandar Manila dan Naib Presiden Filipina.

"Semua yang hadir di program itubergambardengansayasebagai tanda sokongan terhadap laporan Kumpulan Kerja Mengenai Penahanan Tanpa Bicara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation Working Group on Arbitrary Detention*).

"Mereka menggesa Datuk Seri Anwar

Ibrahim dibebaskan serta-merta. Saya tahu dan memahami perasaan ahli keluarga patriot dan perajurit yang terkorban akibat pencerobohan Lahad Datu.

"Simpati dan sokongan saya daripada dulu kepada perajurit dan pahlawan negara yang terkorban serta komuniti yang masih terkesan akibat konflik itu.

"Sebagai seorang Ahli Parlimen dan rakyat Malaysia yang setia kepada nusa dan bangsa, saya sentiasa mempertahankan Sabah sebagai sebahagian dari Malaysia yang tercinta," katanya dalam kenyataan, pada 22 November lalu.

Beliau berkata, tidak ada apa yang hendak disembunyikan dan bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak berkuasa untuk menjelaskan lawatan itu.

Apa jaminan Sabah kekal selamat?

KUALA LUMPUR - Wakil rakyat DAP mempersoalkan peranan kerajaan dan pihak berkuasa dalam memastikan Sabah bebas daripada sebarang ancaman.

Ahli Parlimen Sandakan, Stephen Wong Tien Fatt, berkata walaupun negeri itu berada di bawah jagaan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM), namun ia belum menjamin keselamatan penduduk.

Katanya, keadaan bertambah buruk apabila seorang rakyat Malaysia yang diculik di Sandakan dipenggal kepalanya oleh militan, baru-baru ini.

"Sampai bila zon di Sabah akan berada dalam keadaan perintah berkurung walaupun dipantau ESSCOM? Ini membuktikan Sabah tidak lagi selamat, bahkan semakin serius apabila penculikan berlaku di kawasan bandar seperti Sandakan," katanya dalam sidang media, di lobi Parlimen, pada 19 November lalu.

Pada masa sama, Stephen juga meminta kerajaan memperjelaskan peruntukan RM660 juta pada tahun ini dan tambahan RM523 juta untuk 2016 dalam menjaga keselamatan Sabah.

Beliau berkata, walaupun kerajaan mendakwa mereka bersungguh-sungguh menjaga keselamatan negara, namun ia masih belum mencukupi untuk meyakinkan rakyat.

"Ketika kejadian (penculikan), polis beri mesej bahawa mereka yakin dua tebusan akan selamat, namun malangnya hanya seorang disahkan selamat. Bagaimana tragedi itu boleh berlaku?



Sampai bila zon di Sabah akan berada dalam keadaan perintah berkurung walaupun dipantau ESSCOM?

STEPHEN WONG
Ahli Parlimen Sandakan

"Bukankah polis atau pihak berkuasa memberi jaminan untuk memantau perkara ini dengan teliti?" katanya.

Bernard Then Ted Fen, tebusan Malaysia terakhir yang diculik di Sandakan dipenggal kepalanya oleh militan Abu Sayyaf.

Ted Fen, 39, dilaporkan dibunuh di kawasan terpencil yang dipercayai kubu kuat kumpulan militan itu di Pulau Jolo selepas keluarganya gagal memenuhi permintaan ketika rundingan sedang berjalan.

Pembunuhan itu berlaku ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tiba di Manila bagi menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik selama dua hari.

Gambar bukan bukti pemimpin cenderung pihak lawan

KUALA LUMPUR - Tindakan bergambar dengan pihak lawan tidak membuktikan seseorang pemimpin itu cenderung memihak kepada lawannya, kata Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok.

Beliau berkata demikian sebagai respon kepada gambar Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar bersama Jacel Kiram yang viral di media sosial.

Teresa berkata, beliau juga sering bergambar dengan pihak tidak dikenali dan pemimpin Barisan Nasional (BN) walaupun bertelingkah dalam Dewan Rakyat.

"Saya tidak terkejut kerana dalam majlis sosial kita berjumpa

ramai orang dan ambil gambar. Tidak semestinya kita menyokong tindakan mereka," katanya di lobi Parlimen, pada 19 November lalu.

Pendapat sama turut dikongsi Ahli Parlimen Sandakan, Stephen Wong Tien Fatt yang menyatakan tiada salah bagi sesiapa membina hubungan dengan kerabat bekas Sultan Sulu itu.

Walaupun beliau mengakui rakyat masih terganggu dengan insiden pencerobohan di Lahad Datu pada 2013, namun Jacel Kiram tidak harus dipersalahkan atas tindakan ayahnya.

"Saya fikir Nurul Izzah mempunyai hak peribadi untuk membina



hubungan kerana tidak semestinya apabila bapa melakukan kesalahan, maka anak akan ikut sama," katanya.

Kesultanan Sulu menjadi sensitif kepada negara ini selepas peristiwa berdarah melibatkan pencerobohan bersenjata kumpulan di Lahad Datu yang mengorbankan beberapa anggota keselamatan negara, pada 2013.

ADVERTORIAL



JIKA AIR PENTING BAGI ANDA, TERUSKAN MEMBACA

PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR SELANGOR

Pada ketika ini, industri perkhidmatan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah tidak holistik dan tidak efisien. Terdapat 4 syarikat pemegang konsesi air:

- i. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS),
- ii. Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNSB),
- iii. Syarikat Pengeluar Air Sg Selangor Sdn Bhd (SPLASH),
- iv. Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS).

SYABAS dan PNSB telah diambil alih oleh Air Selangor pada 15 Oktober 2015. PNSB, SPLASH dan ABASS adalah operator loji rawatan air membekalkan air terawat kepada SYABAS, syarikat pengagihan air tunggal di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Usaha untuk menambahkan kecekapan industri air oleh Kerajaan Negeri Selangor telah bermula sejak 2007 dengan matlamat menstrukturkan semula dan menggabungkan 4 syarikat pemegang konsesi air sedia ada.

Pengambilalihan dan penggabungan syarikat-syarikat pemegang konsesi air sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor menerusi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), anak syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor. Air Selangor akan memindahkan aset-aset air dan liabiliti sepadan syarikat-syarikat pemegang konsesi air kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

PAAB akan memajukan semula aset air yang dipindahkan kepada Air Selangor pada kadar sewa jangka panjang yang berpatutan. Selepas penggabungan syarikat-syarikat pemegang konsesi air dimuktamadkan, Air Selangor akan menjadi operator bekalan air tunggal menyediakan rawatan air dan pengagihan bekalan air holistik atau menyeluruh kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.



MANFAAT PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR

Penstrukturkan semula akan menambahkan industri perkhidmatan air dengan menyingkirkan ketidakcekapan yang wujud dewasa ini di dalam model industri yang tidak holistik, di mana terdapat duplikasi kos, sumber dan keuntungan berganda di kalangan syarikat-syarikat pemegang konsesi air sedia ada. Selepas penstrukturkan semula, kos pembiayaan akan menjadi lebih rendah untuk perbelanjaan modal, manakala aset air baharu akan dibiayai oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan dipajakan kepada Air Selangor pada kadar sewa pajakan berpatutan.

Air Selangor akan membayar kadar pajakan yang jauh lebih rendah daripada kos faedah pinjaman komersial atau bon yang lebih tinggi bagi perbelanjaan modal dan membolehkan tarif air dikekalkan pada kadar berpatutan kepada pengguna. Manakala itu, sumber air di Selangor akan diuruskan sepenuhnya oleh Air Selangor, syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor, untuk menyediakan perkhidmatan air

secara holistik dari mengabstraksi air mentah hingga ke rawatan dan pengagihan air terawat kepada pengguna.

Penstrukturkan semula juga akan menghasilkan keuntungan dari segi kecekapan operasi dan kewangan daripada penggabungan pemegang-pemegang konsesi, seperti penyingkiran keuntungan berlebihan di bawah perjanjian konsesi sedia ada. Penstrukturkan semula akan membetulkan terma-terma yang kurang memuaskan di bawah Perjanjian-Perjanjian Konsesi iaitu tiada lagi duplikasi keuntungan di pelbagai peringkat operasi.


Air Selangor akan menyediakan perkhidmatan air di bawah rangka kerja kawal seliaan Akta Industri Perkhidmatan Air dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor, masing-masing di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR HOLISTIK SELEPAS PENSTRUKTURAN SEMULA

Air Selangor akan bertanggungjawab sebagai pembekal tunggal perkhidmatan air yang akan mengendalikan dan menyelenggarakan keseluruhan rantaian nilai perkhidmatan air dari empangan hingga ke pengagihan air terawat kepada pengguna.

Air Selangor, sebagai pemegang lesen di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air dan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor, akan dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

PERKHIDMATAN BEKALAN AIR DI SELANGOR, KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA



PERJANJIAN UTAMA & PERJANJIAN TAMBAHAN

1. **Perjanjian Utama** telah ditandatangani pada 12 September 2014 oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), iaitu semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan penstrukturkan semula industri perkhidmatan air.

2. Perjanjian Utama menggariskan terma prinsip penstrukturkan semula industri perkhidmatan air untuk dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat, seperti berikut:

- Sehingga RM2 bilion akan disediakan oleh PAAB untuk membiayai pengambilalihan semua syarikat pemegang konsesi air oleh Air Selangor.
- Penjelasan hutang di bawah syarikat-syarikat pemegang konsesi air yang diambil alih melalui pemindahan aset air kepada PAAB.
- Peruntukan untuk PAAB memajukan aset air yang dipindahkan kepada Air Selangor.
- Suntikan aset air negeri ke dalam Air Selangor.
- Peranan Air Selangor sebagai penyedia perkhidmatan air yang tunggal di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.
- Air Selangor diberi Lesen Kemudahan dan Lesen Perkhidmatan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

1. **Perjanjian Tambahan** telah ditandatangani oleh semua pihak yang terlibat pada 10 Julai 2015 untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit semasa pelaksanaan Perjanjian Utama.

2. Antara lain, peruntukan utama Perjanjian Tambahan adalah seperti berikut:

- Melanjutkan tarikh akhir Perjanjian Utama kepada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh Perjanjian Tambahan, iaitu 8 September 2015.
- Pertikaian mengenai pemilihan loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih and Bukit Nanas akan diselesaikan berasingan pada tarikh kemudian.
- Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Nanas yang dipertikaikan sepatutnya dipindahkan kepada PAAB (bagi pertimbangan untuk dana sehingga RM2 bilion) telah digantikan dengan aset air dengan nilai setara.
- Aset-aset Syarikat Pemegang Konsesi Air yang terletak di Selangor dipindahkan daripada syarikat pemegang konsesi air kepada PAAB sebagai penyelesaian hutang / bon tidak termasuk tapak tanah di mana terletaknya aset-aset tersebut.



Pelancaran KoHIJRAH

Produk terbaru perkasa usahawan

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Koperasi Warga HIJRAH Selangor (KoHIJRAH) bakal dilancarkan di Karnival Usahawan HIJRAH Selangor 2015 (Kawan'15), di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, pada 4 hingga 6 Disember ini.

Ketua Pengurus Operasi HIJRAH, Roslim Md Akhir, berkata penubuhannya membantu peserta bersesuaian dengan agenda Kerajaan Negeri bagi melahirkan usahawan berjaya dan meningkatkan ekonomi rakyat.

"KoHIJRAH membantu membuka ruang dan peluang perniagaan lebih besar kepada peserta, manakala bazaar HIJRAH memberi ruang dan landasan menjual produk dihasilkan dalam ruang niaga bersepadu," katanya

kepada Selangor Kini, pada 17 November lalu.

Dalam pembentangan Belanjawan Selangor 2016 di sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali mengumumkan peruntukan tambahan RM31 juta diberikan kepada Yayasan HIJRAH Selangor, pada 30 Oktober lalu.

Ia bagi meluaskan program pembangunan berteraskan ekonomi di Selangor menjelang tahun depan.

Roslim berkata, ia digunakan sepenuhnya untuk menubuhkan koperasi dan bazaar HIJRAH serta diperluaskan dengan menyasarkan golongan ibu tunggal, asnaf, pekerja ladang, belia juga Orang Kelainan Upaya (OKU).



Roslim Md Akhir

TINJAUAN ORANG RAMAI TAK SABAR TERIMA BANTUAN

30 Peserta kursus Program Industri Komuniti Kampung (Jangka Sederhana) tidak sabar menerima bantuan peralatan memulakan perniagaan bernilai RM8,000 daripada Kerajaan Negeri

Saya yakin kursus dan bantuan yang diberikan mampu melahirkan usahawan baru sama ada sebagai pendapatan utama keluarga atau pendapatan sampingan



Hamzah Mohd Nor, 45

Kursus yang diberikan berbeza dan membuka mata saya melihat peluang yang ada selain membantu mencorak masa depan dalam perniagaan yang ingin dijalankan



Rohana Buang, 41

Sebelum ini kami berniaga tanpa ilmu. Di sini, kami diajar dengan teknik dan pengurusan yang betul membuatkan saya bertamabah yakin untuk menjalankan perniagaan



Suzila Hassan, 35

95 usahawan desa dapat bantuan RM 8,000



Sebahagian usahawan desa yang menerima sumbangan Jangka Sederhana RM8,000 setiap seorang

KUALA KUBU BAHRU - Seramai 95 peserta kursus Program Industri Komuniti Kampung (Jangka Sederhana) 2015 menerima peralatan memulakan perniagaan bernilai RM8,000 setiap seorang selepas menamatkan kursus.

Exco Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata peruntukan itu sebahagian daripada RM793,300 yang dibelanjakan Kerajaan Negeri untuk membiayai keseluruhan program.

"Kita belanjakan RM8,000 setiap peserta untuk beli peralatan seperti gerai dan

mesin bergantung kepada perniagaan diceburi.

"Ini termasuk RM1,000 untuk modal permulaan dan belanja promosi di awal perniagaan. Saya lihat respon cukup positif apabila ramai peserta begitu bersemangat nak mula berniaga," katanya.

Yunus berkata demikian selepas merasmikan Program Jangka Sederhana di Institut Teknologi Kulineri Anjung Utara (ITKAU) di Kampung Gesir Tengah, di sini, pada 18 November lalu.

Jangka Sederhana dilaksanakan bagi membantu bakal usahawan desa bermi-

nat menjadikan usahawan sebagai bidang kerjaya sepenuh masa tetapi tidak mempunyai modal secukupnya.

Terdahulu, seramai 30 bakal usahawan menerima sijil masing-masing selepas menamatkan kursus perniagaan makanan dan minuman secara jajaan atau kiosk.

Kerajaan Negeri turut mengadakan kursus kepada bakal usahawan yang berminat menceburi perniagaan dalam bidang kemahiran dan juruterapi komplementari berdaftar, bidang kampung stimulatotherapy juga terapi kesihatan lelaki.

Pelan Induk Pertanian 2016 tumpu kebajikan petani

OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA SELANGOR - Pelan Induk Pertanian Selangor 2016 akan tertumpu kepada aspek penggunaan teknologi moden dan kebajikan petani.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, berkata pelan bertema 'Memacu Smart Agro Yang Peduli' itu sudah disiapkan dan akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum dilaksanakan.

"Kita akan memacu penggunaan teknologi moden dalam pembangunan pertanian Selangor walaupun sudah ke hadapan berbanding negeri lain. Kita

akan lonjakan lagi supaya hasil bertambah.

"Pada masa sama, kita akan mengambil berat dan lebih prihatin kepada masalah petani di semua peringkat," katanya kepada Selangor Kini selepas Majlis Kesyukuran Penuaian Padi Musim 2/2015 Daerah Kuala Selangor di Balai Raya Blok P1, Sungai Burong, di sini, pada 20 November lalu.

Beliau turut menyampaikan sumbangan pam penyembur jenis bermotor kepada 45 petani.

Pada sidang DUN lalu, Zaidy mengumumkan rancangan pelan induk berkenaan bagi memastikan Selangor tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil pertanian daripada luar negeri.

Hasil padi atasi purata kebangsaan

KUALA SELANGOR - Hasil pengeluaran padi di jelapang Sungai Burong, di sini, mencatatkan peningkatan pada musim ini dengan catatan 10.52 tan metrik bagi satu lot.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd Talib, berkata ia membabitkan peningkatan sekitar satu tan metrik berbanding musim lalu.

Katanya, lebih membanggakan purata hasil pengeluaran padi Selangor juga konsisten dan mengatasi purata hasil padi kebangsaan.

"Selangor mencatatkan pengeluaran tertinggi dengan 6.4 tan metrik setahun berbanding purata pengeluaran hasil kebangsaan iaitu 4.4 tan metrik sahaja.

"Tahniah juga buat Jabatan Pertanian Daerah Kuala Selangor atas kejayaan daerah paling tinggi menerima pensijilan MyGAP bagi tahun ini," katanya pada Majlis Kesyukuran Penuaian Padi Musim 2/2015 Daerah Kuala Selangor di Balai Raya Blok P1, Sungai Burong, di sini, pada 20 November lalu.

Hadir sama, Pegawai Pertanian Daerah Kuala Selangor, Mohamad Izwan Hasan dan Penyelaras DUN Sungai Burong, Misran Serman.

Zaidy berkata, Selangor juga berada di kedudukan teratas dalam program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dengan sumbangan 42.7 peratus atau RM32 juta daripada jumlah keseluruhan.

Katanya, ia adalah hasil usaha keras petani di samping penggunaan teknologi moden serta bimbingan jabatan berkaitan.

Jelajah Tani inisiatif lebarkan sektor pertanian

KUALA LANGAT - Jelajah Tani Kuala Langat inisiatif Kerajaan Negeri melebarkan pengetahuan sektor pertanian dan asas tani terus kepada rakyat.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi, berkata Kerajaan Negeri memperuntukkan RM31.6 juta dalam Belanjawan Selangor 2016 khusus bagi pembangunan pertanian dan perkembangan ekonomi negeri itu.

"Kita akan dapat menyampaikan maklumat secara terus di samping mendekati rakyat selain melihat dan mendengar keluhan petani kerana mereka adalah pembekal hasil bukan sahaja kepada masyarakat Selangor, bahkan seluruh negara," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri dalam usaha menambahbaik tanah di kampung

melalui Program Agrobelia iaitu petani muda untuk bersama membangunkan sektor asas tani.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Jelajah Tani Kuala Langat 2015 bagi menggantikan Exco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib, pada 21 November lalu.

Sementara itu, Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan, berkata program itu membuka ruang kepada rakyat mendapatkan maklumat daripada agensi Kerajaan Negeri.

"Saya berharap masyarakat tempatan khususnya petani, penternak dan nelayan dapat memanfaatkan program hari ini. Antara aktiviti diadakan seperti jualan pertanian, sukan riadah, gerai daripada agensi kerajaan dan pertandingan memancing," katanya.



TINJAUAN ORANG RAMAI FOKUSTANI DISAMBUK BAIK

Kebanyakan rakyat menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam memberikan tumpuan kebajikan dan pendedahan ilmu tani kepada petani, penternak dan nelayan.

Pendekatan yang bagus untuk membantu petani kecil melebarkan usaha tani, sekali gus membantu meningkatkan ilmu dan pendapatan



Peniaga pasar tani, Ahmad Razali Mastuki, 37



Pembantu veterinar, Mohd Asmawi Mohd Tayib, 34

Perlu libatkan JKK serta penghulu sebab mereka lebih mengenali dan mengetahui masalah petani selain cara memasarkan produk pertanian dengan lebih berkesan

Saya berharap kerajaan dapat mengusahakan premis yang bersesuaian untuk petani memasarkan produk dengan harga mampu milik



Pembantu veterinar, Mat Shukor Sulaiman, 27





▶ Adun Damansara Utama, Yeo Bee Yin turun padang dalam lawatan tapak untuk memantau penyiapan projek penaiktarafan padang rekreasi di SS23/37A



▶ Adun Kajang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan sambutan Deepavali DUN Kajang



▶ Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail bersama wanita PWB Batu 3 ke kem latihan bagi menjalani kursus pementapan.



▶ Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib menyampaikan hadiah sempena Hari Konvokesyen PASTI di Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

▶ Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari turun padang bersama masyarakat dalam program gotong royong penduduk Blok Mawar Cempaka

▶ Adun Ijok, Dr Idris Ahmad melawat mangsa banjir di Kampung Sri Aman dan Kampung Sentosa Coalfields



▶ Adun Kapar, Dr Abd Rani Osman menyantuni golongan belia dan beliawanis DUN Meru apabila menghadiri Program Memanah dan Berkuda di Jalan Dusun, Kampung Bukit Kapar



▶ Adun Permatang, Sulaiman Razak menyampaikan hadiah Hari Anugerah Kecemerlangan 2015 Sekolah Kebangsaan Bukit Belimbing



▶ Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali menyampaikan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) fasa pertama kepada empat waris penerima di Pejabat Adun Selat Klang



▶ Adun Sabak, Sallehen Mukhyi meraikan lebih 30 kanak-kanak yang dikhatamkan anjuran Masjid Makmuriyah Sungai Besar

OLEH AFIX REDZUAN

Kebangkitan yang mencorak kehidupan

Chowrasta garap nilai hidup bangsa Melayu

Tiada alasan untuk mengecapi kejayaan walaupun hidup dalam kemiskinan dan itulah gambaran dan pengajaran yang cuba disampaikan pengarah terkenal, Datuk Prof A Razak Mohaideen dalam karya terbarunya 'Chowrasta' yang bakal ditayangkan kepada umum, pada 3 Disember ini.

Menampilkan Chem Amar selaku teraju utama, anak muda yang lahir dari pentas teater dan ditampilkan dalam layar perak adalah taruhan berani pengarah dalam memperkenalkan bakat baru ke dalam industri perfileman tanah air.

Chowrasta diadaptasi daripada buku semi-biografi Naib Canselor UiTM, Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar yang berjudul 'Mencorak Destini' berkisarkan perjuangan memartabatkan bangsa Melayu dengan kos penerbitan sekitar RM2 juta.

Turut menampilkan pelakon muda berbakat seperti Nur Risteena Munim dan Safia Hanifah selain pelakon berpengalaman antaranya Datuk Rosyam Noor, Fauzi Nawawi serta Nora Danish.

Mengisahkan perjalanan hidup seorang pemuda Melayu miskin yang sering dihina bernama Hamid (Chem Amar), beliau bangkit mengubah kehidupannya dengan melanjutkan pelajaran ke Institut Teknologi Mara (ITM) Shah Alam selepas bergelumang dalam seni mempertahankan diri Muay Thai dan dunia kongsi gelap diketuai pakciknya, Uncle Don (Datuk Rosyam Noor).

ITM tidak sekadar membentuk Hamid menjadi individu berguna, bahkan turut bertemu cinta hatinya Hanizah (Nora Danish). Namun, kemiskinan memaksa Hamid membuat kerja sambil, sekali gus gagal memberi tumpuan pada pelajaran sehingga disingkirkan dari ITM.

Hamid kemudian diberi peluang kedua menyambung pelajaran apabila seorang pensyarah sanggup membiayainya di ITM. Bertitik tolak daripada situ, Hamid tidak menoleh ke belakang lagi dan bertekad ingin mengubah kehidupannya.

Filem berlatar belakang tahun 60an dan 70an ini juga mendapat pengiktirafan dalam Malaysia Book of Records selepas berjaya mencatat jumlah penonton 4,416 orang ketika tayangan perdana, pada Jun lalu.

Prof A Razak selaku pengarah Chowrasta berkata, filem ke-36 yang dihasilkan itu lebih bercorak nasionalisme berbeza daripada arahnya sebelum ini iaitu lebih kepada masyarakat utara.

"Filem ini mempunyai kekuatan terhadap pengorbanan seorang lelaki yang mengubah kehidupan dan mengejar cita-cita apabila ilmu penuh di dada selepas sekian lama dibelenggu kemiskinan.



la memberikan inspirasi kepada belia hari ini bahawa kemiskinan bukan satu jalan buntu untuk menempa kejayaan

dahulu boleh berjaya berbanding zaman kini. Zaman dahulu susah tetapi kini semua teknologi itu sudah ada.

"Anak muda sekarang membesar dengan gajet tetapi mengapa masih ada alasan untuk tidak berjaya.

"Banyak cabaran kerana saya daripada bidang teater turun ke layar perak dan permainan pentasnya berbeza. Tetapi dengan bimbingan pengarah yang menayakan Chowrasta ini, alhamdulillah semuanya sangat membantu saya," katanya.

Bagi pelakon terkenal, Datuk Rosyam Noor, beliau berharap penonton melihat Chowrasta secara terbuka kerana ia memberikan makna besar dalam kehidupan masyarakat Melayu khasnya.

Selaku Uncle Don, beliau menerima tawaran lakonan Chowrasta kerana ia lari

daripada kotak pembikinan filem Prof A Razak sebelum ini.

"Ini kali pertama saya berlakon di bawah arahan Prof A Razak. Beliau pernah panggil saya berlakon dalam beberapa filem sebelum ini.

"Saya rasa teruja berlakon bersama beliau dan rakan lain serta berharap dapat memberikan citarasa baru kepada penonton kerana ini adalah kisah benar bagaimana seorang budak yang berkecimpung dengan gengsterisme di Chowrasta, Pulau Pinang pada tahun 70an.

"Ia memberikan inspirasi kepada belia hari ini bahawa kemiskinan bukan satu jalan buntu untuk menempa kejayaan," katanya.

Menyentuh unsur gengsterisme yang diselitkan dalam filem itu, beliau berkata Chowrasta bukan hanya berbentuk gengsterisme tetapi satu filem yang ada unsur drama, air mata dan sejarah.

"Filem gengster banyak di Malaysia tetapi tidak semuanya laku di pawagam. Jika kita lihat, hanya beberapa filem bercorak gengsterisme berjaya di pawagam. Penonton kini pandai menilai bentuk filem yang mereka mahu tonton.

"Gengsterisme hanya satu latar sahaja dalam filem ini," katanya.

Apa yang lebih penting adalah intipati utama yang cuba diketengahkan pengarah dalam Chowrasta iaitu bagaimana penindasan harus dihapuskan tidak kira bangsa dan kejayaan boleh dikecapi dengan kesungguhan yang mendalam.



Antara barisan pelakon dan kru produksi ketika tayangan perdana Chowrasta

RESIDENCE

Citrina 3

BERNAM JAYA

RUMAH KLUSTER 2 TINGKAT



HARGA DARI **RM413,928***

- ◆ Setiap unit adalah unit tepi dengan bukaan saiz lot 42' lebar
- ◆ Ruang tamu dan dapur yang praktikal
- ◆ Akses mudah ke rangkaian Lebuhraya Utara-Selatan dan Jalanraya Tanjung Malim-Rawang
- ◆ Dikelilingi prasarana membangun seperti sekolah, hospital, pusat komersil dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
- ◆ Pengudaraan dan pencahayaan yang baik
- ◆ Laman yang luas



KLUSTER 2-TINGKAT • 1,445 - 2,036 KPS • 3 REKABENTUK MODERN



KOORDINAT GPS : N3 39 27 E101 32 12

www.pkns-property.com

50 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan dan Merealisi Impian



016 251 0113 013 939 0310 013 393 8183
019 269 7641 013 342 1098 019 303 4342

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik, 40505 Selangor Darul Ehsan • No. Lesen Perajua: 9062-8401-2016/91 (L) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2018 • No. Permit Pengiklanan: 5052-8401-2016/91 (P) • Tempoh Sah: 25/01/2014 - 24/01/2018 • Pihak berkuasa yang meluluskan petan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor • No. Kelulusan Petan Bangunan: (B) di M.DMS.431/2M/15/002-B bertarikh 18/8/11 • Bobotan Tanah: Tiada • Status Hakmilik: Pajak 99 tahun tamat pada 24 April 2107 • Tarikh Cijangka Siag: Disember 2013 • Bilangan unit: 78 unit • Harga (Minima): RM395,840 (Maksima): RM595,353 • Sekatan Kapentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindahmilik, dipajak atau digada melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Informasi yang terkandung dalam iklan ini tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh dianggap sebagai jaminan daripada sesuatu tawaran atau kontrak. Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan jika terdapat sebarang butiran yang tidak tepat. Semua ilustrasi adalah gambaran pelukis sahaja.

Air Selangor jamin perkhidmatan lebih efisien dan cekap

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), satu entiti khas yang ditubuhkan untuk mengambil alih perkhidmatan industri air di negeri itu. Bermula Mac 2016, pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan berhubung dengan Air Selangor sebagai pembekal baharu.

Kejayaan pengambilalihan syarikat konsesi melalui perjanjian utama pada September 2014 menjanjikan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam penyediaan air secara efisien kepada pengguna. Ikuti temubual wartawan Selangor Kini, **AFEEQA AFEERA** bersama Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, **SUHAIMI KAMAROL-ZAMAN** bagi mengupas isu berkenaan.

Q&A

Apakah peranan dan fungsi utama Air Selangor?

Air Selangor adalah syarikat khas yang ditubuhkan Kerajaan Selangor yang pada mulanya untuk mengambil alih semua syarikat konsesi air di negeri itu dengan menerajui perbincangan bersama Kerajaan Persekutuan.

Selepas perjanjian utama dimeterai pada September 2014 dan perjanjian tambahan pada Julai lalu, maka bermula proses pengambilalihan syarikat konsesi iaitu 70 peratus dalam Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) dan 100 peratus dalam Puncak Niaga.

Air Selangor kini dalam proses melengkapkan dua lagi proses pengambilalihan konsesi iaitu Konsortium Abbas Sdn Bhd (ABBAS) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH).

Perjanjian bersama ABBAS sudah ditandatangani dan akan lengkap menjelang akhir tahun ini, manakala rundingan bersama SPLASH masih berjalan sehingga tempoh akhir, pada September 2016.

Air Selangor kemudiannya perlu menyatukan apa yang diambil alih dan proses itu sedang giat dilaksanakan kerana ia membabitkan undang-undang dan rundingan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

Kami juga dalam perancangan membuat pelan perniagaan untuk dihantar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

bagi mendapat kelulusan dan selepas itu barulah program baru akan dilaksanakan.

Proses itu perlu selesai pada Februari 2016, sementara pelan perniagaan perlu dibentangkan pada Mac 2016. Kami jangka antara April hingga Jun 2016 urusan dengan SPAN dapat diselesaikan.

Apakah cabaran dan halangan untuk mengambil alih syarikat konsesi?

Untuk tiga daripada syarikat itu, cabaran daripada segi rundingan dan tawaran harga sudah tamat apabila persetujuan berjaya dicapai dengan Puncak Niaga, SYABAS dan ABBAS.

Cabaran seterusnya adalah berunding dengan SPLASH kerana ia melibatkan soal harga yang sensitif.

Air Selangor juga berdepan cabaran mendapatkan terma bagi mencapai persetujuan itu dan semuanya perlu dilakukan dalam tempoh sepuluh bulan untuk melengkapkannya.

“**Sebagai profesional, saya akan masukkan semua kos ke dalam pelan perniagaan untuk melihat apakah tarif air yang munasabah bagi menampung kos itu. Bagaimanapun, segala keputusan bergantung kepada Kerajaan Negeri kerana Air Selangor yang diuruskan dengan profesional perlu memberi nasihat munasabah**”

Apakah kekurangan yang ada pada syarikat konsesi itu?

Kekurangan paling ketara adalah daripada aspek pelaburan wang ringgit secukupnya untuk memastikan proses rawatan air dibuat dengan cekap, di samping peralatan lengkap.

Perhatian kurang diberikan kepada peralatan seperti stok pam simpanan termasuk penyelenggaraannya, kita tidak mahu menyalahkan mereka tetapi itu adalah secara fakta.

Kami berpendapat kekurangan ketara daripada segi pelaburan mungkin disebabkan tiada kenaikan tarif mengikut jadual sejak 2006.

Menyentuh soal kenaikan kadar tarif, bagaimanakah Air Selangor memandangkan isu itu?

Tarif air tidak semestinya naik tetapi kos pengurusan akan dinilai semula untuk menentukan sama ada ia kekal atau sebaliknya.

Untuk pengetahuan, tarif air

tidak naik sejak 2006 sedangkan kos sudah meningkat seperti pekerja dan bahan kimia yang disebabkan inflasi serta penurunan mata wang.

Kami akan menasihati Kerajaan Negeri sama ada syarikat baru yang digabungkan itu dapat menampung kos operasi dengan kadar tarif yang tidak berubah sejak 2006.

Sebagai profesional, saya akan masukkan semua kos ke dalam pelan perniagaan untuk melihat apakah tarif air yang munasabah bagi menampung kos itu.

Bagaimanapun, segala keputusan bergantung kepada Kerajaan Negeri kerana Air Selangor yang diuruskan dengan profesional perlu memberi nasihat munasabah.

Kerajaan Negeri mempunyai beberapa pilihan sama ada setuju untuk menaikkan tarif atau menampung sementara dengan subsidi khas bagi memastikan kelancaran Air Selangor.

Jika tarif air dinaikkan, ba-



gaimana nasib golongan berpendapatan rendah?

Kami dimandatkan Kerajaan Negeri untuk melihat pelbagai pilihan seperti di United Kingdom (UK) yang menyediakan tarif sosial kepada rakyat berpendapatan rendah.

Kaedah itu membolehkan rakyat yang memerlukan untuk menelefon syarikat air dan maklumkan bahawa mereka tidak mampu bayar atau bayar tarif secara ansuran.

Kami sedang lihat kaedah itu kerana Dato' Menteri Besar, Mohamed Azmin Ali memberi jaminan kenaikan tarif air tidak akan membebaskan rakyat.

Nasib golongan berpendapatan rendah akan diambil kira, cuma kami belum menemui mekanisme bersesuaian dan kajian masih diteruskan.

Adakah kadar tarif ini sudah dibincangkan?

Untuk melihat implikasi kos dengan lengkap, Air Selangor perlu melihat kos pengambil alihan sepenuhnya termasuk SPLASH yang masih belum selesai.

Apabila semua kos sudah diambil kira, barulah kita boleh membuat kiraan tepat tetapi proses semakan tarif akan mengambil masa lama.

Dalam pelan perniagaan, Air Selangor akan mempunyai cadangan tarif sama ada naik, turun atau kekal dan cadangan membantu golongan kurang berkemampuan.

Kami tidak boleh tunggu sehingga September untuk membuat anggaran tarif kerana SPAN minta pelan itu perlu disediakan, pada Mac 2016.

SPAN kemudiannya akan mengadakan perbincangan bersama beberapa pihak dan selepas itu sama pelan kami diluluskan atau tidak, Kerajaan Negeri perlu me-



Air Selangor sudah melihat peruntukan untuk memperbaiki kawasan yang selalu mengalami paip pecah supaya gangguan berkurangan

rujuk kepada Mesyuarat Exco.

Bagaimana pula perancangan menurunkan kadar air tidak berhasil (NRW)?

Tidak dinafikan, NRW di Selangor berada pada tahap 32 peratus dan perlu dilakukan sesuatu kerana ada sesetengah negara seperti Singapura yang mencatatkan lima peratus NRW.

Sudah sampai satu tahap untuk memikirkan kos bersesuaian kepada permasalahan itu sama ada paip yang bocor sedikit itu perlu dikorek atau dibiarkan sahaja.

Tugas pertama kami adalah membuat model jalinan paip dan zonkan mereka supaya kita tahu kepentingan untuk menukar paip supaya NRW dikawal dengan holistik.

Kerajaan Negeri memberi sasa-

ran perlu mengurangkan NRW sehingga 70 peratus dalam tempoh sepuluh tahun, tetapi kita yakin ia boleh dilaksanakan.

Apakah jaminan supaya catuan air tidak berulang?

Cabaran kami untuk memastikan tiada catuan itu kerana jika taburan hujan tinggi, maka dijamin tiada catuan tetapi gangguan mungkin akan tetap berlaku.

Gangguan ini berbeza dengan catuan kerana ia merujuk kepada paip usang yang pecah dan mungkin ada gangguan untuk beberapa ketika.

Bagaimanapun, Air Selangor sudah melihat satu peruntukan untuk memperbaiki kawasan yang selalu mengalami paip pecah supaya gangguan berkurangan.

Kekal tarif air bukti Selangor pro rakyat

BANGI - Pengekalan tarif air di Selangor membuktikan Kerajaan Negeri sentiasa menekankan kepentingan rakyat sebagai agenda utama.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata berita terbabit tentu menggembirakan walaupun terdapat pihak tertentu cuba menafi dan memanipulasikan isu berkenaan.

"Keutamaan adalah kepada rakyat tetapi pada masa sama kita berharap mereka dapat gunakan air dengan jimat dan bertanggungjawab.

"Ini kerana kadar penggunaan air di Selangor antara paling tinggi di dalam negara," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Nik Nazmi berkata, langkah berjimat cermat perlu diamalkan kerana masyarakat akan menghadapi masalah apabila berlaku musim kering.

Katanya, sebelum ini rakyat berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti kemarau, catuan air dan jerebu.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengambil ketetapan mengekalkan tarif air ekoran prihatin dengan beban dihadapi rakyat akibat kenaikan harga barangan terutama sejak pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), April lalu.



“**Keutamaan adalah kepada rakyat tetapi pada masa sama kita berharap mereka dapat gunakan air dengan jimat dan bertanggungjawab**

**NIK NAZMI
NIK AHMAD**

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi



Salah guna petak pakir

Tujuh premis kena tindakan

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM -Tujuh premis dikenakan tindakan dalam Operasi Pecah Tanjakan (Ramp) ekoran membina tanjakan tanpa kebenaran di Seksyen 33, di sini, baru-baru ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad, berkata semua premis itu didapati menyalahgunakan petak pakir untuk tujuan perniagaan.

"MBSA memohon pemilik premis yang ingin menggunakan tempat letak kereta bagi tujuan perniagaan untuk membuat permohonan sewaan petak khas terlebih dahulu.

"Tindakan tegas termasuk memecahkan tanjakan akan dikenakan kepada pemilik yang ingkar dan membina tanjakan haram di hadapan premis tanpa kebenaran," katanya dalam kenyataan.

Dalam operasi terbabit, semua tanjakan haram dimusnahkan

dengan menggunakan jentera 'excavater' yang disertai sepuluh kakitangan Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan.

Shahrin berkata, penggunaan petak pakir tanpa kebenaran untuk tujuan perniagaan adalah kesalahan di bawah peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).

Katanya, terdapat 20 kategori perniagaan dibenarkan memohon sewaan tempat letak kereta

khas untuk tujuan perniagaan.

"Antaranya kedai membaiki kereta atau motosikal, kedai menjual aksesori kereta atau motosikal, kedai perabot, klinik, ruang pameran kereta atau motosikal, pasaraya atau kedai runcit yang memerlukan ruang pemunggahan barang," katanya.

Sebarang pertanyaan berkenaan sewaan petak letak kereta khas, boleh hubungi Seksyen Pengurusan Hasil, Jabatan Kewangan MBSA di talian 03-5522 2882.



Shahrin Ahmad



Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohd Yasid Bidin (kiri) menerima watikah perlantikan daripada Pemangku Setiausaha MPK Zahrin Md Nasir

MPK fokus jadi contoh PBT lain

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) diharap mampu menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) contoh di negara ini melalui sistem pentadbiran dan pengurusan berkualiti.

Yang DiPertuanya, Datuk Mohd Yasid Bidin, berkata sasaran jangka panjang itu boleh direalisasikan dengan kerjasama semua pihak termasuk masyarakat di kawasan seliaan MPK.

"Contohnya, orang selalu sebut Melaka cantik, bersih, indah dan macam-macam ada di sana begitu juga Kuching yang pernah jadi sebutan satu ketika dahulu.

"Mungkin esok, orang akan kata jika nak tengok bandar cantik, bersih serta pengurusan baik

datanglah ke Klang. Kita nak capai hingga tahap itu," katanya selepas majlis mengangkat sumpah jawatan, pada 18 November lalu.

Mantan Ketua Setiausaha Sulit Dato' Menteri Besar itu memulakan tugas selaku Yang DiPertua MPK baharu, bermula 16 November lalu.

Mohd Yasid berkata, usaha dijalankan MPK selama ini seperti kerja pembersihan akan diteruskan dan ditingkatkan menjadi lebih efektif bagi mencapai sasaran itu.

Katanya, segala masalah dan aduan penduduk termasuk perniagaan juga pemaju akan didekangari ke arah mencari jalan penyelesaian berkesan.

PANTAS MPSJ turun lebih awal

SUBANG - Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) diarah segera ke lokasi berpotensi banjir untuk mengambil tindakan pencegahan sewajarnya.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata langkah proaktif itu diambil bagi memastikan masalah banjir dapat diatasi di peringkat awal sebelum bencana lebih teruk berlaku.

"Pegawai daripada semua ja-

batan berkaitan seperti alam sekitar, kejuruteraan dan sisa diarahkan segera ke tempat kejadian apabila hujan bukan menunggu panggilan.

"PANTAS dipertanggungjawab bersedia di tempat kejadian bagi mengelak air naik," katanya kepada Selangor Kini selepas program tanggungjawab sosial korporat (CSR) 'Home Help Services' yang turut dihadiri Adun Sri Serdang, Noor Hanim Ismail di Kampung Bharu Tambahan Batu 14 dan

Kampung Seri Andalas, Puchong, pada 19 November lalu.

Noor Hanim berkata, kawasan Sri Aman, Batu Tiga dan Subang Jaya antara kawasan yang sering dinaiki air apabila hujan lebat ekoran berdekatan dengan projek tambahan jajaran Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) oleh PRASARANA.

"Kita harap PRASARANA dapat beri kerjasama memantau kontraktor dan semak semula projek itu," katanya.

Dua elemen atasi banjir kilat Seksyen 13

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjalankan program penambahbaikan di kawasan seliaan khususnya di Seksyen 13, di sini, bagi mengatasi masalah banjir.

Timbalan Datuk Bandar, Shukri Mohammad Hamin, berkata MBSA sedang mengenal pasti masalah berkaitan dan mengambil langkah supaya ia mampu ditangani dengan kadar segera.

"Perkara ini dikaji dan untuk jangka pendek kita menjalankan rundingan dengan pihak berkaitan. Kita lihat apa langkah sesuai untuk atasi masalah ini mungkin mengorek kolam tadahan atau membaiki kolam sedia ada," katanya dalam sidang media, pada 22 November lalu.

Beliau berkata, MBSA memberi perhatian kepada Seksyen 13 ekoran banjir sering berlaku di kawasan itu selain pemantauan di beberapa kawasan lain.

Katanya, kajian jangka panjang juga dijalankan untuk perkara itu dan perbincangan juga diadakan bersama Kerajaan Negeri yang dijangka berakhir, pada April 2016.

“Perkara ini dikaji dan untuk jangka pendek kita menjalankan rundingan dengan pihak berkaitan

SHUKRI MOHAMMAD HAMIN
Timbalan Datuk Bandar MBSA



Rebat kompaun MBSA kini 50%

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Orang Kena Kompaun (OKK) di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berpeluang merebut rebat kompaun sehingga 50 peratus.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Shahrin Ahmad, berkata kempen berkenaan sah sehingga 31 Disember ini.

Katanya, ia termasuk kompaun kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan MBSA 2007 seperti tidak mempamerkan kupon dan gagal meletakkan kenderaan di petak disediakan.

"MBSA bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

bagi menyenarai hitamkan pesalah yang gagal menyelesaikan kompaun dengan memperkenalkan sistem 'i-Blacklist'.

"MBSA menyeru orang ramai khususnya OKK supaya mengambil peluang menyelesaikan kompaun masing-masing," katanya.

Shahrin berkata, selain Wisma MBSA, bayaran juga boleh dibuat di pejabat cawangan di Sungai Buloh, Kota Kemuning dan Setia Alam.

"MBSA turut menyediakan perkhidmatan Pejabat Bergerak 'Shah Alam On Wheel' (SAOW) setiap hari Sabtu bergantung kepada masa, tempat dan tarikh yang ditetapkan.

“

MBSA menyeru orang ramai khususnya OKK supaya mengambil peluang menyelesaikan kompaun masing-masing

SHAHNIN AHMAD
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

"Bagaimanapun, SAOW masih menawarkan bayaran RM15 bagi kesalahan tempat letak kenderaan," katanya.

ANTARA JENIS KESALAHAN LAIN YANG LAYAK MENDAPAT DISKAUN

- Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut 1983
- Undang-undang Kecil Taman (MBSA) 2005
- Undang-undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005
- Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MBSA) 2007
- Undang-undang Kecil Iklan (MBSA) 2007
- Undang-undang Kecil Penjaja (MBSA) 2007
- Undang-undang Kecil Establisyemen Makanan (MBSA) 2007
- Undang-undang Kecil Pasar (MBSA) 2007.



Kontraktor 'tangkap muat' tapak niaga terbengkalai

SHAH ALAM - Persatuan Peniaga Pasar Seksyen 6, di sini, memperitakikan kredibiliti kontraktor baik pulih tapak perniagaan daging dan ayam yang kini terbengkalai hampir dua bulan.

Pengerusinya, Kapten Ismail Khan Kamarudin, berkata kelewatan itu mengakibatkan peniaga terpaksa beroperasi di luar kawasan pasar hingga menimbulkan persekitaran kurang selesa kepada pengguna.

"Kontraktor dipilih tidak menunjukkan prestasi baik. Kita beranggapan kontraktor ini 'tangkap muat'.

"Dijangkakan siap selama dua bulan dari 3 September, namun sudah hampir penghujung November kerja tidak selesai lagi. Kita lihat baik pulih ini sedikit sahaja tanpa melibatkan pemecahan blok kedai," katanya.

Tinjauan Selangor Kini mendapati kerja baik pulih melibatkan pertukaran jubin dinding dan pemasangan jeriji besi untuk lampu,



pada 20 November lalu.

Difahamkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sudah turun melihat perkembangan projek, namun kelibat pekerja bertanggungjawab tidak kelihatan bagi menyegerakan penyiapan baik pulih berkenaan.



Kapten Ismail Khan

Ismail berkata, kerja pengubahsuaian membabitkan kos hampir RM700,000 itu tidak mesra perniagaan.

Walaupun aduan sudah dibuat, namun jawapan yang diterima sekadar mengambil maklum dan tindakan akan diambil.

"Penyelesaian segera penting demi kesesuaian pelanggan. Ia melambangkan imej perniagaan, jika bau busuk dan keadaan tidak selesa wujud, ia boleh menjejaskan peniaga," katanya.

'Home Help Services' inisiatif terbaru MPSJ

SHAH ALAM - Program Khidmat Bantu Ke Rumah 'Home Help Services' inisiatif terbaru Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengatasi masalah miskin bandar.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata program tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu adalah salah satu isu penting untuk ditangani dalam era yang kompetitif.

"Untuk tahun ini, kita melawat dua rumah Orang Kelainan Upaya (OKU) bersama JKM juga sukarelawan untuk melihat sendiri keadaan sebenar dan menyampaikan sumbangan wang tunai RM500 serta barangan keperluan.

"Ia juga selaras dengan objektif Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) dalam membantu golongan kurang berkemampuan dan mengatasi masalah miskin bandar," katanya ketika Program Jalinan Kasih 'Home Help Services' di Kampung Bharu Tambahan Batu 14 dan Kampung Seri Andalas, Puchong, pada 19 November lalu.

Lawatan pertama MPSJ bersama JKM ke rumah OKU berusia 49 tahun

yang terlantar sejak berumur tiga tahun akibat demam panas dan menghidap komplikasi pelbagai penyakit di Kampung Bharu Tambahan Batu 14.

Kehidupan dia bersama ibunya yang juga ibu tunggal hanya bergantung dengan bantuan JKM sebanyak RM600 sebulan.

Manakala, Rosli Ahmad, 46, adalah OKU lumpuh separuh badan daripada paras pinggang ke bawah hingga menyukarkannya mencari rezeki.

Rosli juga hanya bergantung hidup melalui wang bulanan dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan bantuan JKM.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN SISTEM EXTRA LOW VOLTAGE UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN PENTADBIRAN MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7/G6/G5/G4 Kategori : ME Pengkhususan: E01, E02, E04 & E11	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 23/11/2015 (Isnin) Sehingga 07/12/2015 (Isnin)	RM250.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 14/12/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447731

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI DALAM SELANGOR (ZON I)	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 24/11/2015 (Selasa) Sehingga 08/12/2015 (Selasa)	RM630.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 15/12/2015 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447746

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK SERTA KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI DALAM SELANGOR (ZON II)	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan: CE01 & CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 24/11/2015 (Selasa) Sehingga 08/12/2015 (Selasa)	RM640.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 15/12/2015 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447746

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat
Tempatan: T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Peserta antarabangsa mantap persidangan KUIS

Usahawan pemacu ekonomi global

OLEH HAFIZAN TAIB

BANGI - Penyertaan peserta luar negara dalam persidangan anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menunjukkan kolej terbabit semakin diberi perhatian di peringkat antarabangsa.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata perkembangan terbabit adalah baik bagi KUIS sebagai persediaan menjadi universiti penuh pada tahun hadapan.

"Pembabitan peserta luar negara serta pensyarah daripada institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) membuktikan usaha KUIS mendapat perhatian pelbagai pihak.

"Ia memberi kesan baik kerana kajian dibuat dan dikongsi dapat dimantapkan lagi," katanya kepada Selangor Kini selepas merasmikan majlis penutupan Persidangan Antarabangsa Pengurusan dan Muamalah anjuran Fakulti Pengurusan dan Muamalah KUIS, di sini, pada 17 November lalu.

UPSR: 7,354 raih 5A dan 7A

SHAH ALAM - Calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) di Selangor diyakini mampu mencatatkan keputusan lebih cemerlang dalam peperiksaan berkenaan, pada tahun akan datang.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains & Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata penekanan Kerajaan Negeri bagi melahirkan generasi berilmu pada masa depan berupaya melahirkan pelajar cemerlang.

"Kita mengharapkan supaya keputusan ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang," katanya kepada Selangor Kini, di sini, pada 24 November lalu.

Beliau mengulas keputusan

Persidangan dua hari bertemakan 'Empowering Management and Muamalah Through Knowledge Creation and Sharing' menarik penyertaan 150 peserta termasuk Algeria, Iran, Mesir dan Nigeria.

Beliau berkata, isu ekonomi menyentuh soal pengurusan dan tatakelola dibincangkan dalam persidangan itu adalah perkara penting juga relevan masa kini.

Katanya, isu berkenaan sering menjadi pilihan dan dibentangkan untuk dibincangkan pihak berkenaan baik di dalam atau antarabangsa.

"Jika kita kembali kepada ajaran Islam, ia menekankan sewajarnya supaya melihat nilai Islam dalam perkara ini. Dalam kemerosotan ekonomi di peringkat global kini, Malaysia sebagai negara pengeluar komoditi akan terkesan dengan isu sebegini," katanya.

Seminar terbabit membincangkan peranan yang harus dimainkan usahawan masa kini dan dilihat sebagai faktor penentu dalam mengukuhkan kedudukan ekonomi sesebuah bangsa serta negara.

UPSR di Selangor tahun ini membabitkan 82,969 calon dengan catatan 7,354 pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) mendapat keputusan 5A serta Sekolah Jenis Kebangsaan dengan 7A.

Katanya, keputusan UPSR penting untuk langkah seterusnya tetapi jalan melakar masa depan lebih cemerlang masih panjang jika gagal memperoleh keputusan membanggakan kali ini.

"Kita harap pelajar yang mendaftar keputusan mungkin kurang cemerlang tidak berputus asa kerana boleh menggunakan peluang pada masa hadapan untuk mencipta keputusan lebih baik," katanya.

Pembangunan infrastuktur

Bincang dengan OKU

OLEH AFIX REDZUAN

BESTARI JAYA - Kumpulan Orang Kelainan Upaya (OKU) perlu dimasukkan dalam perbincangan pembangunan infrastruktur supaya bersesuaian dan memenuhi keperluan mereka.

Tokoh OKU Kebangsaan dan Johor 2006, Othman Badrishah, berkata infrastruktur mesra OKU masih tidak mencukupi, bahkan aspek penguatkuasaan perlu ditekankan kerana masyarakat masih kurang prihatin terhadap nasib golongan itu.

"Masih banyak kekurangan kemudahan untuk OKU di Selangor seperti tempat letak kenderaan.

Memang ada tetapi penguatkuasaan kurang kerana orang biasa juga meletakkan kenderaan di tempat OKU.

"Kemudahan jalan juga tidak sesuai dengan OKU," katanya ketika ditemui Selangor Kini

dalam program Empowerment Disabled anjuran Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, di Universiti Selangor (UNISEL), pada 21 November lalu.

Othman, 57, adalah OKU fizikal sejak berusia dua tahun dan kini bertugas sebagai penyarah juga kaunselor Fakulti Pendidikan, Universiti Selangor (UNISEL).

Katanya, kekurangan infrastruktur mesra OKU membataskan pergerakan mereka walaupun diberi ruang mendapat pendidikan.

Beliau mempunyai pengalaman bertugas dalam sektor perbankan selama 20 tahun sebelum membuat kerja amal OKU, pada 2002.

Katanya, masyarakat perlu diberikan kesedaran secara berterusan supaya persepsi negatif mereka terhadap OKU dapat dikurangkan.

"Orang sempurna tidak faham kekurangan atau merasakan kita berlebihan.

Selangor pemangkin pembangunan OKU

BESTARI JAYA - Selangor perlu menjadi pemangkin dalam memberikan ruang pendidikan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) dengan memperuntukkan dana secukupnya.

Nurul Nuha Anwar, berkata Kerajaan Negeri juga perlu memberikan sokongan dan infrastruktur bagi memudahkan OKU berinteraksi dengan masyarakat.

"Kelainan upaya bermaksud menghapuskan setiap halangan supaya mampu menampilkan potensi diri sebenar sedia ada yang dikurniakan Ilahi untuk setiap diri manusia.

"Dengan mewujudkan persekitaran bebas halangan, rakan OKU saya mampu melakukan sesuatu kerja," katanya yang mewakili Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam program Empowerment Disabled anjuran Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, di Universiti Selangor (UNISEL), pada 21 November lalu.

Nuha berkata, beliau sangat mengagumi ketabahan OKU hingga mampu mengecapi kejayaan seperti dilakukan hari ini.

"Kita semua mempunyai cabar-



an hebat dalam kehidupan, namun anda adalah insan terpilih hanya kerana Allah SWT ingin memberitahu bahawa anda lebih kuat daripada kami," katanya.

Sementara itu, editor buku Mengupayakan Orang Kelainan Upaya Di Selangor, Noor Hairina Noor Hisham (**gambar**), 23, berkata mereka memfokuskan kepada usaha mengubah persepsi masyarakat kepada OKU dalam program itu.

"Buku ini, kita ketengahkan hak OKU selain dasar di Malaysia, Selangor serta luar negara. Kita juga sediakan informasi pusat terapi OKU untuk keluarga mendaftar di Selangor.

"Buku itu turut memuatkan beberapa kisah inspirasi kejayaan golongan OKU," katanya.



Nuha Anwar bersama tokoh OKU Kebangsaan dan Johor 2006, Othman Badrishah dalam program Empowerment Disabled anjuran Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, di Universiti Selangor (UNISEL)

Mereka perlu diberikan kesedaran terutama apabila sering memandang sinis kepada golongan OKU," katanya.

Beliau turut menyambut baik langkah Kerajaan Negeri memberikan peruntukan khusus hampir RM770,000 ke-

pada OKU dalam Belanjawan Selangor 2016 dan berharap ia akan digunakan sebaik mungkin untuk keselesaan mereka.

Empat golongan terus dapat pembelaan

SHAH ALAM - Sejumlah peruntukan disediakan tahun depan kepada warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU) dan miskin dalam pelbagai aktiviti pembangunan golongan terbabit.

Exco Kesihatan, Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Dr Daroyah Alwi, berkata hal itu kerana golongan terbabit perlu diberikan perhatian dan diiktiraf selari dengan tema Sambutan Hari Warga Emas 'Kami Sayang Kamu'.

Katanya, ia hasil perbincangan dalam pertemuan di Came-

ron Highland bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Peruntukan itu tidak banyak tetapi kita cuba menguruskan peruntukan itu seoptimum mungkin supaya ia sampai ke sasaran.

Kita bincang untuk sediakan program advokasi kanak-kanak kerana ketika ini banyak kes penderaan, culik juga permerdagangan.

"Empat kateagori ini dirangka program baru, contohnya untuk OKU kita peruntukan RM500,000 bagi Smart Didik Selangor. Kita melihat dengan

lebih menyeluruh perancangan 2016," katanya kepada Selangor Kini selepas merasmikan Sambutan Hari Warga Emas Selangor 2015, di Wisma PKPS, pada 17 November lalu.

Dalam program itu, Dr Daroyah berharap sektor swasta dan kerajaan berganding bahu menjalin kerjasama menyediakan persekitaran selamat serta kondusif kepada warga emas.

"Usaha ini penting untuk menjadikan warga emas yang aktif dan produktif terhadap pembangunan negara," katanya.

KPJ dan MPKJ anjur Mutiara Sunathon

KAJANG - Hospital Pakar KPJ Kajang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Ahli Majlis Zon 8 menganjurkan program Amal Mutiara Sunathon 2015 bertempat di Surau Saujana Impian, di sini, pada 22 November lalu.

Seramai 39 kanak-kanak asnaf dan sekitar kawasan Kajang mendaftarkan diri yang turut dimeriahkan dengan kehadiran lebih 150 tetamu.

Sunathon bertujuan mem-

bantu golongan asnaf tidak berkemampuan dengan KPJ Kajang menanggung kos berkhatan untuk 15 asnaf sementara 10 lagi ditaja Ahli Majlis Zon 8.

Selain itu, 14 peserta daripada penduduk sekitar Kajang turut bertuah apabila hanya perlu membayar RM75 sahaja iaitu separuh daripada harga asal kos itu.

Program bermula jam 7.45 pagi dan berakhir jam 2.30 petang itu meraikan semua peserta dengan

acara perarakan serta mandi Khatan Perdana dengan kerjasama bomba Kajang.

Selain itu, aktiviti mewarna dan pemeriksaan kesihatan dari Hospital Pakar KPJ Kajang juga dijalankan sebagai pengisian untuk peserta juga ibu bapa sementara menunggu giliran masing-masing untuk berkhatan.

Poliklinik Al Azhar dan rakan dijemput mengetuai acara mengkhatankan kanak-kanak bertuah itu.

Ajaran Millah Abraham sesat Rancangan Malaysia ke-11

SHAH ALAM - Jawatankuasa Fatwa Selangor mengeluarkan fatwa bahawa ajaran Millah Abraham sebagai sesat.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor, Datuk Mohd Tamayes Abd Wahid, berkata umat Islam sama ada secara individu atau berkumpulan adalah dilarang serta diharamkan untuk berpegang kepada fahaman dan ajaran terbabit.

"Ajaran Millah Abraham atau dikenali Ibrahim adalah menyeleweng dan bertentangan dengan Islam.

"Mereka mendakwa adanya rasul selepas Nabi Muhammad SAW, mensyirikkan golongan yang tidak mengikutinya, menyalahertikan maksud kiamat dan tidak melaksanakan solat lima waktu dan Jumaat," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, ajaran itu juga menggabungkan tiga agama iaitu Islam, Kristian dan Yahudi.

"Mereka terlalu taksu sehingga sanggup memutuskan hubungan keluarga dan suami isteri

Mereka mendakwa adanya rasul selepas Nabi Muhammad SAW, mensyirikkan golongan yang tidak mengikutinya, menyalahertikan maksud kiamat dan tidak melaksanakan solat lima waktu dan Jumaat

jika tidak mengikuti fahaman juga ajaran terbabit.

"Mana-mana orang Islam yang sudah berbai'ah atau mengamalkannya adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar, bahkan perlu segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah SWT," katanya.

Orang Islam yang melakukan perkara itu boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Selangor.

Rumah ibadat terima dana pembangunan RM30 juta

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sejumlah RM30 juta diperuntukkan bagi agama selain Islam di Selangor dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11), bermula 2016 sehingga 2020.

Exco Pelaburan, Perindustrian IKS, Perdagangan dan Pengangkutan, Datuk Teng Chang Khim, berkata RM6 juta akan disalurkan kepada setiap kumpulan agama yang memohon dalam tempoh setahun untuk aktiviti keagamaan masing-masing.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam, berkata rancangan

zonal pembangunan rizab tapak rumah ibadat selain Islam yang baru juga akan mula dilaksanakan, pada 2016.

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) sudah diarah untuk menubuhkan jawatankuasa rumah ibadat selain Islam bagi membolehkan ahli majlis dan pegawai menggubal garis panduan, tatacara dan peraturan yang lebih jelas.

"Ia penting dalam menyelesaikan dan mengurangkan isu rumah ibadat yang dibina secara haram dan mengelakkan pertikaian permohonan tanah selain memastikan pemaju tidak mengambil mudah isu ini dalam kawasan projek pembangunan mereka," katanya.

Terdahulu, beliau menyerahkan cek agihan RM929,000 kepada beberapa pertubuhan agama Taois, 79 kuil Buddha dan beberapa

pa organisasi kemasyarakatan, di sini, pada 19 November lalu.

Beliau berkata, peruntukan rumah ibadat bukan Islam pada tahun ini meningkat dua kali ganda iaitu RM600 juta.

Katanya, daerah Petaling meningkat dari RM355,000 tahun lalu kepada RM435,000 tahun ini, Klang dari RM349,000 kepada RM684,000, manakala Gombak pula RM40,000 menjadi RM152,000.

"Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) sedang memproses permohonan peruntukan bagi agihan cek kali ke-11 dan ke-12. Pertubuhan tokong Buddha yang ingin memohon dana peruntukan segera perlu mengemukakan permohonan kepada pentadbiran UPEN dalam tempoh seminggu daripada sekarang," katanya.



#KitakanIslam
BUAT KERANA ALLAH

Sumbangan untuk:
Rumah Ngaji @ Rumah Maghfirah
Maklumat lanjut hubungi: 019-2535794
No Akaun: 1621 5171 1707 (Maybank)



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/ PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buata masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN-JALAN DI PEKAN SERI KEMBANGAN, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN.	Bumiputera T1	CIDB, SPKK, PKK & UPEN Gred : G5 Kategori : CE Pengkhususan: CE01, CE21	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 30/11/2015 (Isnin) Sehingga 14/12/2015 (Isnin)	RM390.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 21/12/2015 (Isnin) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Selangor. No. Telefon: 03 55447755

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (Jika Berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

*Jenis Syarikat Tempatan:
T1 - Syarikat 100% ekuiti Bumiputra milik tempatan (Warganegara)
A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Naik taraf laman sesawang jabatan mufti

SHAH ALAM - Laman sesawang Jabatan Mufti Selangor perlu dinaik taraf dengan melengkapkan fatwa terperinci berkenaan sesuatu isu.

Adun Sabak, Sallehen Mukhyi, berkata masyarakat perlu dilengkapkan fatwa terbaru sebagai panduan sebelum sesuatu 'wabak' tersebar di negeri itu.

"Sebelum sesuatu isu masuk, kita seharusnya sudah memberi gambaran atau fatwa, contoh rokok elektronik vape yang perlu diketahui hukumnya.

"Kita tidak mahu bila masyarakat Selangor sudah terlibat baru hendak keluar fatwa, maka jabatan mufti perlu bekerjasama dengan tenaga pakar untuk pantau perkara ini," katanya dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Pembangunan di Dewan Negeri

Selangor (DNS), pada 5 November lalu.

Pada masa sama, Sallehen turut mencadangkan supaya soal jawab berkenaan ibadah diklasifikasikan secara teratur bagi memudahkan masyarakat mendapat maklumat.

Beliau juga menegur penampilan kurang menarik laman sesawang itu dalam memaparkan isu hingga dilawati hanya kira-kira 300 pengunjung sehari.

"Jabatan mufti perlu mempunyai pakar untuk mengendali setiap kolum terutama

ma dalam soal jawab supaya boleh menjadi rujukan pengunjung.

"Saya juga berharap penambahbaikan akan mampu menarik sekurang-kurangnya dua peratus daripada masyarakat Islam di Selangor untuk mengunjungi laman sesawang itu," katanya.





Gabungan unik ceriakan warga Shah Alam

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Gabungan sukan moden dan rakyat menghadirkan kelainan dalam Karnival Sukan dan Sukan Rakyat Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)/Pengerak Belia Tempatan (PeBT) 2015 kali ini.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Shukri Mohammad Hamin, berkata usaha itu dijalankan untuk mempopularkan acara sukan rakyat supaya ia tidak dilupakan masyarakat khususnya golongan muda.

Katanya, gabungan dua acara sukan itu adalah kali pertama diadakan kali ini sejak karnival itu dimulakan dua tahun lalu.

"Tujuan pelaksanaan karnival ini untuk mewujudkan daya saing dan semangat kesukanan dalam kalangan peserta. Ia juga bagi mengeratkan hubungan silaturrahim sesama peserta tanpa mengira perbezaan umur, kaum dan agama," katanya selepas majlis perasmian karnival di Dataran Kemerdekaan Sham Alam di sini, pada 22 November lalu.

Karnival bertema 'Semai Semangat Perpaduan Dan Muhibbah Di Kalangan Penduduk Shah Alam' anjuran Majlis



Bandaraya Shah Alam (MBSA) disertai peserta daripada 24 Zon MPP/PeBT, di sini.

Antara acara sukan moden diadakan ialah bola tampar, futsal dan badminton, manakala sukan rakyat seperti boling kelapa, tarik upih, terompah gergasi, lumba lari dalam guni, galah panjang serta permainan catur.

Turut diadakan pertandingan mewarna,

dekorasi kek, *explorace* amal dan gerai jualan, bahkan karnival itu terbuka kepada semua penduduk yang menetap, bekerja atau belajar di dalam kawasan pentadbiran MBSA.

Orang ramai juga berpeluang mendapatkan perkhidmatan di Pejabat Bergerak 'Shah Alam On Wheel' yang disediakan di dataran berkenaan.

Pemergian Lomu kehilangan besar

SHAH ALAM - Bermodal tubuh sasa, tegak dan bakat semula jadi, mendiang Jonah Lomu sering mempamerkan permainan memukau serta menarik perhatian hingga mempopularkan namanya dan ragbi di persada antarabangsa.

Setiausaha Kehormat Kesatuan Ragbi Malaysia (MRU), Suhaimi Zainuddin, berkata aksi Lomu bersama New Zealand *All Blacks* sering menjadi tumpuan ramai khususnya peminat sukan ragbi di seluruh dunia.

Katanya, pengalaman bertemu Lomu adalah sesuatu amat menarik yang berlaku dalam hidupnya sepanjang karier mengendalikan pasukan kebangsaan.

"Pertama kali bertemu beliau ketika saya menguruskan Malaysia menyertai kejohanan Fiji 7's di Suva, Fiji pada 1995 dalam persediaan pasukan untuk Sukan Komanwel 1998.

"Dalam satu sesi sambutan dibuat tuan rumah, saya duduk bersila di sebelahnya sambil minum 'kava' air tradisi negara Fiji. Saya bandingkan lengan beliau sama besar dengan peha saya... bila bersalaman, tangan saya tidak dapat menggenggam penuh tangan beliau," katanya kepada Selangor Kini.

Beliau berkata, kematian Lomu adalah kehilangan besar bagi dunia sukan ragbi khususnya untuk New Zealand *All Blacks*.

Katanya, penampilan Lomu memang disenangi dan menarik perhatian ramai terutama pemain selain mereka terbabit secara langsung dengan sukan berkenaan.

"Beliau menjadi idola ramai pemain ragbi di seluruh dunia," katanya.

Pada 18 Oktober lalu, peminat sukan ragbi di seluruh dunia terkejut apabila menerima berita kematian Lomu pada usia 40 tahun di Auckkland, New Zealand, akibat sakit buah pinggang.

Beliau menjadi pemain termuda skuad New Zealand *All Blacks* pada usia 19 tahun 45 hari dan bakatnya terserlah di Piala Dunia 1995 di Afrika Selatan.

Jaguh basikal era 60-an dinobatkan Tokoh Warga Emas Selangor

SHAH ALAM - Bekas pelumba basikal negara, Shaharudin Jaffar dipilih sebagai Tokoh Warga Emas peringkat Selangor 2015 atas sumbangannya mengharumkan nama negara.

Shaharudin, 75, yang dilahirkan di Perak dan dibesarkan di Sungai Pinang, Klang mempunyai Sarjana Pengurusan Sukan di Cardiff, United Kingdom, pada 1973 dan pengiktirafan itu membolehkan beliau membawa pulang wang tunai RM1,000, sijil serta plak.

Bekas pelumba basikal negara era 60-an itu adalah pemenang pingat emas pertama negara pada Sukan SEAP 1965.

Shaharudin ketika ditemui melahirkan rasa hiba atas penghargaan yang tidak dijangka kerana pengorbanannya belum pernah disanjung sebelum ini.

"Saya berkecimpung dengan su-

kan basikal sejak berusia 16 tahun sehingga sekarang. Walaupun tidak aktif tetapi saya masih menjadi perunding kepada beberapa persatuan dan kelab untuk memajukan aktiviti sukan," katanya kepada Selangor Kini, baru-baru ini.

Shaharudin berkata, sokongan daripada isteri menjadi dorongan kepadanya untuk aktif dalam sukan walaupun faktor usia menjadi halangan.

"Saya amat berminat untuk majukan sukan cuma faktor umur dan kesihatan isteri sedikit membataskan niat itu. Insya Allah, jika diberikan kesihatan yang lebih baik, saya akan teruskan usaha untuk melihat generasi muda maju dalam bidang ini," katanya.

Shaharudin juga Presiden Persatuan Berbasikal Masters Malaysia dan bekas Setiausaha Persekutuan Lumba Basikal Malaysia (PLBM).



WAKTU SOLAT SELANGOR 27 NOVEMBER - 4 DISEMBER 2015 15 - 22 SAFAR 1437H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:32	5:42	7:04	1:03	4:26	7:00	8:14
28 Sabtu	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:00	8:14
29 Ahad	5:33	5:43	7:04	1:04	4:26	7:01	8:15
30 Isnin	5:33	5:43	7:05	1:04	4:27	7:01	8:15
01 Selasa	5:34	5:44	7:05	1:05	4:27	7:01	8:15
02 Rabu	5:34	5:44	7:06	1:05	4:28	7:02	8:16
03 Khamis	5:34	5:44	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
04 Jumaat	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:02	8:17

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:34	5:44	7:06	1:05	4:28	7:02	8:16
28 Sabtu	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:02	8:16
29 Ahad	5:35	5:45	7:06	1:06	4:28	7:03	8:17
30 Isnin	5:35	5:45	7:07	1:06	4:29	7:03	8:17
01 Selasa	5:36	5:46	7:07	1:07	4:29	7:03	8:17
02 Rabu	5:36	5:46	7:08	1:07	4:30	7:04	8:18
03 Khamis	5:36	5:46	7:08	1:08	4:30	7:04	8:18
04 Jumaat	5:37	5:47	7:08	1:08	4:30	7:04	8:19



Gambar oleh Remy Ariffin

Demo pertunjukan seni silat pada majlis perasmian Karnival Sukan Rakyat perwakilan penduduk (MPP) dan Pengerak Belia anjuran MBSA di Dataran Kemerdekaan Shah Alam

Petronas AAM Cup Prix 2015

OA Racing Team julang kejuaraan

OLEH NAZLI IBRAHIM

JOHOR BAHRU - OA Racing Team membuktikan mereka harus diberi perhatian penaja pada musim akan datang selepas dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kejuaraan Petronas AAM Cup Prix 2015 bagi kategori Pro-Am.

Kejayaan pasukan Orang Asal berpangkalan di Kampung Bukit Tandom, Banting itu diraih selepas pelumba mudanya, Azrul Affendi Hadi mengungguli pusingan terakhir di Litar Pasir Gudang, di sini, pada 21 November lalu.

Azrul Affendi menyifatkan kejuaraan itu menjadi lebih manis apabila ia diraih dengan penuh dramatik selepas memintas pendahulu pusingan mata, Md Yusof Omar pada pusingan terakhir kejohanan.

"Saya tak menyangka sebab Md Yusof memiliki 10 mata di depan tetapi mula rasa ada harapan menjadi juara keseluruhan apabila mencatat ujian masa terpantas, sekali gus merebut petak pertama berbanding beliau di petak lebih belakang," katanya kepada Selangor Kini.

Azrul Affendi memungut 163 mata keseluruhan berbanding Md Yusof sebagai naib juara dengan 156 mata, ke-

Azrul Affendi menyifatkan kejuaraan itu menjadi lebih manis apabila diraih dengan gaya penuh dramatik selepas hanya memintas pendahulu pusingan mata, Md Yusof Omar pada pusingan terakhir kejohanan

tiga Siti Norafizah Mohamad (117) dan Md Faiz Azmin (89) di tempat ke-4.

Azrul Affendi menjuarai pusingan akhir Kejuaraan Petronas AAM Cup Prix 2015 bagi kategori Pro-Am dengan catatan masa 13 minit 40.92 saat meninggalkan pemenang tempat kedua, Mohd Fikri Azam Nordin iaitu 1.89 saat di belakang.

Sebelum ini, Azrul Affendi turut menjuarai pusingan ke-8 MAEPS di Serdang, pusingan ke-5 di Stadium Hang Jebat, Melaka dan pusingan ke-6 di Kangar, Perlis.



Gilap pelapis muda sukan basikal

SHAH ALAM - Pelapis sukan lumba basikal perlu digilap bermula daripada peringkat sekolah dan daerah supaya Selangor dapat melahirkan bakat muda dalam sukan terbabit.

Bekas pelumba basikal negara, Shaharudin Jaffar, berkata usaha itu perlu digiatkan dan didokong lapisan masyarakat selain peruntukan pembangunan besar oleh Kerajaan Negeri wajar diguna pakai dalam sukan itu.

"Kerajaan Negeri memperuntukkan jumlah yang besar untuk pembangunan sukan jadi basikal tidak wajar diabaikan. Saya menyambut baik usaha beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Peransang Selangor yang memberi peluang ia digilap di negeri ini.

"Namun, saya rasa usaha perlu dilipat gandakan daripada peringkat daerah secara lebih mendalam serta berkesan," katanya kepada Selangor Kini, pada 19 November lalu.

Shaharudin berkata, sukan basikal tidak memerlukan kemudahan yang begitu eksklusif untuk atlet atau bakat muda berlatih.

"Veladrom juga tidak perlu ada di negeri ini buat masa sekarang kerana sudah ada di Kuala Lumpur. Kita ada padang rumput, jalan raya dan kawasan lapang jadi tiada masalah untuk bakat muda ini dilatih.

"Sekarang, 'mountain bike' dah jadi trend. Jadi, usaha ini perlu dilaksanakan di semua peringkat," katanya.